

Jilid III
Bil. 19



Hari Jumaat
19hb Julai, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3533]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3594]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 3595]
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) [Ruangan 3614]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1984 dan Anggaran Pembangunan
(Tambahan) (Bil. 1), 1985 [Ruangan 3618]
Penungguhan Mesyuarat [Ruangan 3650]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Tapak Tetap Penempatan Semula Mangsa-mangsa Kebakaran/Bencana Alam
[Ruangan 3651]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**

„ **Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

„ **Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

„ **Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

„ **Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM, (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S., (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P. J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG @ ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N, P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat,
TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN
MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N. P.I.S., B.S.I. (Sri
Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD
(Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala
Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T. P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HARI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 19hb Julai, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KILANG GETAH/KELAPA
SAWIT—PENCEMARAN

1. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar masih banyak kilang-kilang seperti kilang getah dan kilang kelapa sawit di negara ini yang masih tidak mengikut peraturan-peraturan serta arahan-arahan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berhubung dengan masalah pencemaran air dan pencemaran udara, misalnya Kilang Kelapa Sawit Synn Lee di Simpang, Taiping dalam Daerah Larut dan Matang, Perak. Jika sedar, apakah langkah-langkah dan tindakan beliau terhadap kilang-kilang ini sejak dua tahun yang lalu; dan apakah beliau turut sedar bahawa air yang busuk lagi kotor dilepaskan ke dalam Sungai Batu Tegoh di waktu-waktu yang tertentu menyebabkan pencemaran air Sungai Batu Tegoh dan Sungai Matang sehingga mengakibatkan banyak Udang Galah dan ikan mati di dalam sungai-sungai tertentu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, ya saya sedar. Apabila kesalahan oleh kilang-kilang getah dan kelapa sawit dikesan oleh Jabatan Alam Sekitar dari aduan-aduan, tindakan diambil melalui peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jenis-jenis tindakan ialah seperti berikut:

- (1) memberi amaran;
- (2) kompaun bagi kesalahan yang kecil;
- (3) tindakan mahkamah bagi kesalahan yang serius;
- (4) penggantungan lesen.

Dalam tahun 1983:

(a) Bilangan kes yang di-hadapkan ke mahkamah ialah:

Kilang kelapa sawit 2

Lain-lain kilang misalnya
tekstil, elektrik, makanan 61

(b) Bilangan kes kompaun ialah:

Kilang kelapa sawit 2

Lain-lain kilang 146

Bagi tahun 1984 pula:

(a) Bilangan kes yang di-hadapkan ke mahkamah ialah:

Kilang kelapa sawit 10

Lain-lain kilang 102

(b) Bilangan kes kompaun ialah:

Kilang kelapa sawit 14

Kilang getah 5

Lain-lain kilang 68

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kilang dalam Daerah Larut dan Matang adalah diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar mengikut undang-undang tersebut. Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemeriksaan ke atas semua kilang di dalam daerah tersebut, iaitu kilang-kilang kelapa sawit dan getah dan didapati bahawa loji-loji pembersihan effluen dan alat-alatan pengawalan pelepasan udara telahpun dipasangkan. Tuanpunya-tuanpunya kilang-kilang itu dikehendaki juga membawa laporan suku tahun mengenai kecekapan sistem kawalan pencemaran masing-masing. Selama ini di daerah tersebut hanya terdapat satu kilang sahaja, iaitu Syarikat Synn Lee Palm Oil Mill Sendirian Berhad yang didapati bersalah melepaskan asap hitam yang berlebihan dan didenda oleh mahkamah pada 25hb September, tahun lalu. Kilang ini juga telah diberi arahan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar supaya memasang alat-alat tambahan untuk mencegah pelepasan asap dan kecekapan pemasangannya terus diawasi.

Berhubung dengan kematian udang galah dan ikan akibat pencemaran air di Sungai Batu Tegoh dan Sungai Matang dalam 2 tahun kebelakangan, Jabatan Alam Sekitar tidak menerima sebarang aduan mengenai kejadian ini. Dalam pada itu juga, sehingga ini Jabatan Alam Sekitar telah mengendalikan pengawasan yang kerap di sepanjang sungai-sungai itu tidakpun mengesan keadaan kualiti air yang boleh menyebabkan kematian ikan atau udang galah.

Sukacita juga saya memaklumkan bahawa dengan tertubuhnya Pejabat Cawangan Alam Sekitar Wilayah Perak di Ipoh mulai 12hb Julai ini, pengawasan terhadap kilang-kilang di Negeri Perak akan diawasi dengan lebih rapi lagi.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sebentar tadi bahawa asap-asap dapat diperbaiki, tetapi bagaimanakah cara-caranya kilang-kilang ini iaitu kilang kelapa sawit dan getah yang mengeluarkan bau yang amat busuk, terutama kepada kampung-kampung persekitarannya?

Yang kedua, bagaimanakah caranya air-air aliran yang dihantar kepada air-air sungai, penduduk-penduduk di kuala-kuala sungai ini akan menerima akibat kekotoran air.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bau busuk dari kilang-kilang kelapa sawit kaedah baru sedang dikaji.

Mengenai lepasan air kotor dari kilang-kilang seperti yang saya katakan tadi, ini memang diawasi dan penilaian juga dibuat dengan kerap.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu oleh kerana penguatkuasaan Rang Undang-undang berhubung dengan kawalan pencemaran alam ini sangat mustahak, adakah semua negeri pada masa ini mempunyai cawangan unit penguatkuasaan dan adakah semua daerah ada unit penguatkuasaan ini dan adakah kakitangannya mencukupi?

Kedua, oleh kerana kawasan-kawasan kilang-kilang, kawasan perindustrian terdapat dengan banyaknya dalam negara kita dan kawasan-kawasan perindustrian ini menjadi punca kepada pencemaran yang besar yang mengakibatkan pencemaran dan masalah-masalah yang berhubung dengannya, adakah penumpuan diberikan oleh pihak Kementerian terhadap

penguatkuasaan menyelesaikan masalah pencemaran yang diakibatkan datang daripada kawasan-kawasan perindustrian dalam negara kita terutamanya kawasan-kawasan perindustrian yang besar dan dekat dengan kawasan-kawasan pendudukan dan punca-puncaan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat Kementerian saya ingin menubuhkan cawangan-cawangan di tiap-tiap negeri dan daerah-daerah tetapi keadaan ekonomi sekarang kita terpaksa tunggu tetapi saya sendiri pun telah berhubung dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri meminta kerjasama. Diharapkan saya mendapat kaedah ini bolehlah berkesan mencegah atau mengawal pencemaran di kawasan-kawasan di seluruh negara.

Di sini saya hendak menegaskan lagi masalah pencemaran udara ataupun pencemaran alam sekitar, tugas bukanlah sahaja terpolang kepada Kerajaan, ini pun terpolang kepada orang ramai semua.

PENYELIDIKAN MENGUMPUL DATA PEMASARAN/ PERDAGANGAN

2. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan menyedari kuasa-kuasa besar di dunia bukan sahaja sepakat dari segi politik tetapi juga dalam bidang ekonomi menekan negara-negara membangun atau negara ketiga dari itu adakah Kerajaan ingin:

- (a) memperuntukkan sejumlah wang bagi diberi kepada penuntut-penuntut Ph.D. atau Sarjana untuk membuat penyelidikan dan mengumpul data-data pemasaran dan perdagangan; dan

- (b) memberikan bantuan kewangan atau kemudahan kepada pihak swasta membuat penyelidikan sama seperti JETRO, SOGOSOSHA dari Jepun yang telah dibayar oleh Kerajaan Jepun.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk memperuntukkan sejumlah wang untuk diberi kepada penuntut-penuntut Ph.D. atau Sarjana bagi membuat penyelidikan dan mengumpul data-data pemasaran dan perdagangan. Ini adalah disebabkan bahawa Kementerian saya, khususnya Bahagian Perdagangan Antarabangsa sememangnya telah mempunyai 29 buah Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan yang ditempatkan di luar negeri seperti di New York, Los Angeles, negara-negara EEC dan sebagainya yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas memberi perkhidmatan kepada pengeksport-pengeksport kita termasuk membuat penyelidikan dan mengumpul data-data pemasaran dan perdagangan. Maklumat-maklumat ini dikumpulkan dan disimpan di Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) untuk rujukan pengeksport-pengeksport tempatan. Di samping itu, maklumat-maklumat ini juga disebarikan melalui publikasi-publikasi Kementerian dan juga melalui seminar-seminar yang dianjurkan oleh Kementerian ini.

Kerajaan juga tidak bercadang untuk memberikan bantuan kewangan kepada pihak swasta membuat penyelidikan dan pengumpulan data-data pemasaran dan perdagangan oleh kerana tugas-tugas ini sememangnya telah ada sedang dijalankan sepertimana diterangkan di atas. Walau bagaimanapun, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya ada mendapat bantuan-bantuan dari negara-negara maju seperti negara-negara EEC, Australia dan juga dari badan-badan seperti JETRO untuk tujuan penyelidikan dan pengumpulan data-data tersebut. Bantuan-bantuan ini digunakan untuk mendapatkan khidmat pakar runding untuk menjalankan kajian dan penyelidikan yang berkaitan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukankah benar bahawa satu rahsia kenapa kedudukan perdagangan Jepun begitu kuat di dunia ialah oleh kerana peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat perdagangan (trading companies) sogososha yang boleh mendapat maklumat-maklumat pemasaran perdagangan yang lebih lengkap daripada Kerajaan Jepun dan kalau Malaysia mahu mencontohi cara-cara di mana Jepun boleh menjadi sebuah negara perdagangan yang besar kenapa Kerajaan Malaysia menolak kemungkinan ini untuk menggalakkan syarikat-syarikat kita supaya mengadakan unit semacam ini di luar-luar negeri. Masalah kita bukan bahawa sogososha yang kita tubuhkan tidak ada unit-unit itu tetapi lebih basic ialah sogososha nampaknya semua gagal. Apakah tindakan Kerajaan ambil supaya sogososha yang ditubuhkan boleh berdiri di atas kaki sendiri dahulu?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bukan hendak menolak perdagangan itu tetapi mencari jalan lain untuk boleh menolong perniagaan di negara ini.

PELABUHAN PULAU LUMUT— RANCANGAN PEMBANGUNAN

3. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa rancangan pembangunan pelabuhan

Pulau Lumut, Kelang adalah tidak seimbang dengan perkembangan infrastruktur yang perlu untuk satu pelabuhan dan adakah Kerajaan Pusat mendapat kerjasama sepenuhnya dari Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksanakan projek ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa rancangan pembesaran pelabuhan iaitu pelabuhan barat di Pulau Lumut adalah diawasi oleh sebuah Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Kementerian Pengangkutan. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian kemungkinan (feasibility study) untuk projek ini telah dijalankan pada tahun 1982 lagi.

Kerajaan Negeri Selangor adalah diwakili oleh semua jabatan dan agensi Kerajaan yang mempunyai kaitan atas pembinaan infrastruktur ini. Untuk melaksanakan sebuah projek besar-besaran seperti pembinaan sebuah pelabuhan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan bahawa segala rancangan pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan adalah seimbang dengan keperluan-keperluan sesebuah pelabuhan moden.

Dalam usaha merancang dan melaksanakan projek ini Kerajaan Pusat telah mendapat kerjasama yang sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri Selangor dan untuk makluman Yang Berhormat juga, projek ini akan menelan belanja sebanyak \$484.8 juta dan untuk melaksanakan projek ini Kementerian sedang berunding dengan Bank Dunia dan juga Bank Pembangunan Asia untuk pinjaman sebanyak yang saya sebutkan tadi. Ianya dijangka akan bermula pada tahun 1986 dan diharap akan siap pada tahun 1989 atau 1990.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan Pelabuhan Kelang yang begitu hampir dengannya, adakah Pelabuhan Pulau Lumut ini akan memainkan peranan yang lain selain daripada yang ada di Pelabuhan Kelang?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan di dalam Dewan ini tujuan kita mewujudkan satu lagi pelabuhan dan dibangunkan Pelabuhan Pulau Lumut ini adalah untuk memudahkan barang-barang cecair seperti minyak palm oil dan sebagainya untuk khusus di Pelabuhan Pulau Lumut.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian menyedari bahawa pembinaan pelabuhan ini telah pun hampir siap terutama di bahagian wharfnya tetapi kemudahan-kemudahan lain seperti kemudahan jalan, bekalan air, perumahan untuk pekerja-pekerja belum lagi dirancang untuk pembangunan keseluruhan pelabuhan ini. Bilakah perkara-perkara yang disebutkan itu akan dilaksanakan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dermaga itu hanya sebahagian kecil sahaja baru kita bangunkan. Bila disebut masalah infrastruktur, soal jalan, soal api dan sebagainya di dalam kawasan pelabuhan itu adalah usaha Jabatan Laut ataupun Pelabuhan Kelang itu sendiri. Tetapi untuk yang lain seperti membangunkan kawasan seperti rumah untuk pekerja-pekerja dan sebagainya kita mengharapkan kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk membangunkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon.

(Soalan No. 4 Y.B. Dr Koh Tsu Koon tidak hadir)

BEKALAN DARAH DI HOSPITAL KERAJAAN

5. **Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kebanyakan hospital-hospital di negara ini selalu menghadapi kekurangan bekalan darah, sungguhpun sudah sedia ada kempen-kempen dan galakan-galakan, adakah Kementerian akan mencadangkan hadiah-hadiah menarik (attractive gifts) supaya ramai orang rela menderma darah dan dengan ini dapat menghapuskan sindiket menjual darah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya tidak terdapat kekurangan bekalan darah di semua hospital Kerajaan. Walau bagaimanapun pada waktu-waktu yang tertentu seperti pada bulan puasa dan cuti am panjang semasa perayaan, kekurangan darah bagi sesuatu kumpulan berlaku kerana penderma darah enggan menderma darah. Pusat-pusat tabung darah di hospital-hospital sentiasa merancang dan membuat persediaan terlebih dahulu untuk menghadapi keadaan-keadaan seperti yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, menderma darah adalah dianggap satu sumbangan kepada masyarakat. Orang ramai perlulah menderma darah dengan sukarela dan ikhlas tanpa meminta apa-apa ganjaran atas dasar peri kemanusiaan untuk menolong atau membantu mereka yang sakit dan memerlukan darah. Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau, dengan izin, World Health Organisation juga bersetuju dengan strategi ini dan juga mengesyorkan supaya perkembangan perkhidmatan darah kebangsaan dilakukan dengan sukarela tanpa pemberian hadiah ataupun, dengan izin, incentive.

Kerajaan akan terus menggalakkan orang-orang awam untuk menderma darah tanpa menawarkan sebarang hadiah.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa bekalan darah di semua hospital adalah mencukupi. Saya merasa curiga kerana hospital-hospital daerah biasanya meminta saudara-mara pesakit yang memerlukan darah bersedia dengan orang-orang untuk menderma darah. Ini bererti bahawa bekalan darah pada satu-satu masa tidak ada di situ. Jadi saya hendak bertanya sama ada rancangan yang dikatakan tadi yang dibuat oleh tiap-tiap hospital itu termasuk juga hospital-hospital daerah?

Tuan Yeoh Poh San: Rancangan yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, dijalankan di semua hospital di negara ini dan untuk memberi penjelasan tentang apa Yang Berhormat kata tadi, hospital di seluruh negara biasanya kalau ada pesakit masuk ke hospital dan beliau perlu darah, jika beliau bukan seorang yang selalu menderma darah; kita ada satu dasar iaitu kita minta beliau kembalikan darah yang digunakan oleh beliau itu tetapi ini tidak bermakna hospital itu tidak ada darah.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen berhubung dengan masalah derma darah ini, adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada segolongan masyarakat di negara ini untuk menerima darah dia kata bagus tetapi apabila minta didermakan darah dia kata "suay-siow", dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maknanya siallah, kalau dalam Bahasa Malaysia. Jadi, bolehkah Setiausaha Parlimen menerangkan bagaimana bagi

mengatasi supaya orang ramai ini tak kira apa kaum dapat menderma darah supaya jangan ada lagi "suay".

Tan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, negara ini ialah sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang agama. Ada orang Melayu, orang Cina, orang India yang percaya banyak hal-hal pantang. Jadi, ada enam perkara dari segi menderma darah yang Kementerian saya menghadapi masalah besar. Ada mereka yang percaya kalau kita menderma darah kita akan jadi lemah atau tidak sihat. Itu yang pertama.

Yang kedua, banyak orang percaya kalau kita derma darah kebolehan kita dari segi hubungan kelamin akan terjejas (*Ketawa*), oleh kerana mereka percaya air mani manusia dibuat dari darah. Itu masalah yang kedua. Ini serius. Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Ada mereka yang percaya kalau kita menderma darah nyawa kita akan dipendekkan. Ada mereka yang percaya kalau kita menderma darah, oleh kerana darah saya diberi kepada dia, roh (spirit) saya akan dipindah masuk kepada badan dia.

Yang kelima, ada mereka yang percaya kalau menderma darah akan jadi gemuk. Itu orang perempuan. Orang lelaki percaya kalau dia menderma darah akan jadi kurus. (*Ketawa*)

Keenam, Tuan Yang di-Pertua, ada mereka yang percaya tak boleh menderma darah oleh kerana mereka percaya blood is life, dengan izin. Jadi, mereka tidak setuju buat pendermaan darah.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pergerakan menderma darah telah dimulakan secara besar-besaran mulai tahun 1940 dan sudah 50 tahun dari segi medical science telah dibuktikan kalau kita menderma darah nyawa kita akan dipanjangkan dan kebolehan kita dari segi hubungan kelamin atau

semua taraf akan ditinggikan (*Ketawa*). Jadi, Kementerian saya telah menjalankan beberapa rancangan untuk mengedukatekan rakyat dan saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat juga memberi pertolongan dari segi menghapuskan kepercayaan pantang-pantang ini. Kalau saya boleh buat cadangan, saya boleh hantar Unit Darah pada hari Isnin atau Selasa dan Yang Berhormat-Yang Berhormat bolehlah tunjuk contohnya. Terima kasih. (*Ketawa*)

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soalan asal saya ini lebih menekankan soal galakan atau, dengan izin, incentive. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa oleh kerana latar-belakang negara kita ini keadaan agama, berbilang kaum dan sebagainya kepercayaan yang bukan-bukan ada. Oleh yang demikian, seharusnya pihak Kementerian Yang Berhormat mengadakan galakan atau pengiktirafan kepada bakal-bakal penderma darah ini dan apakah rancangan pihak Kementerian agar ramai lagi orang akan menderma darah tanpa memikirkan perkara-perkara yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat? Walaupun kita diberi tahu tadi bahawa mengikut penerangan Yang Berhormat tidak boleh ada insentif, harus diberi begitu sahaja tetapi pengiktirafan dengan memberi certificate sahaja tak cukup. Apakah rancangan pihak Kementerian berhubung dengan perkara ini?

Tuan Yeoh Poh Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi insentif seperti negara-negara lain, oleh kerana kita percaya kalau kita beri insentif lebih baik saya beri penjelasan, kalau Kementerian saya memberi insentif, ini akan menimbulkan masalah seperti

mewujudkan penderma-penderma darah yang profesional dan juga mutu penderma-penderma darah tidak dijamin dan darah mungkin tidak selamat bagi pemindahan dan khususnya sebahagian daripada penyakit-penyakit profesional ini oleh kerana mereka yang menjadi professional blood donors, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, akan berlaku penyakit-penyakit AIDS, syphilis dan hepatitis tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian saya tidak beri insentif atau hadiah istimewa, kita ada beri benefits, priveleges iaitu mereka yang menderma satu kali sehingga 15 kali mereka akan diberi percuma out-patient dan in-patient rawatan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Mereka yang memberi lebih daripada 15 kali tetapi kurang dari 40 kali mereka akan dapat rawatan in-patient dan out-patient dengan percuma selama dua tahun dan second class. Mereka yang menderma lebih dari 40 kali mereka dan keluarga mereka akan dapat in-patient dan out-patient treatment selama mereka hidup for life.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, selepas lebih daripada tiga kali mereka yang menderma, Kementerian saya akan beri satu certificate ataupun sijil in recognition of their services, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

PERPADUAN KAUM—MATLAMAT

6. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk James P. Ongkili pada 26-2-1985 bahawa "beberapa langkah-langkah yang digunakan oleh Jabatan Perpaduan Negara adalah ketinggalan zaman" bersabit dengan memajukan perpaduan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan untuk menyemak dan mengenalpasti

kelemahannya dalam memajukan persefahaman dan perpaduan kaum dengan matlamat untuk menentukan bahawa Jabatan ini dapat memainkan peranan yang bermakna dan wang rakyat yang dibelanjakan tidaklah sia-sia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bukan semua langkah yang digunakan oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk memupuk perpaduan dianggap ketinggalan zaman seperti yang dilaporkan oleh akhbar pada 26hb Februari 1985 itu. Strategi penggalakan dan pencegahan yang diamalkan oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk meningkatkan taraf perpaduan masih tepat dan sesuai.

Strategi penggalakan mengandungi program yang bertujuan untuk menggalakkan semua lapisan rakyat dari berbagai keturunan berinteraksi antara satu sama lain melalui penglibatan mereka dalam berbagai aktiviti kemasyarakatan khususnya di peringkat kawasan dan sektor Rukun Tetangga, Rukun Kejiranan.

Strategi pencegahan pula mengandungi program yang bertujuan untuk mencegah wujudnya ketegangan kaum yang boleh mencetuskan sesuatu pertelingkahan atau rusuhan antara kaum. Ini melibatkan pengesanan unsur-unsur yang mewujudkan polarisasi kaum atau isu-isu yang menimbulkan ketegangan hubungan antara kaum. Dari segi program dan aktiviti yang dijalankan Jabatan Perpaduan Negara sentiasa membuat penilaian dari masa ke semasa untuk menentukan keberkesannya dan meningkatkan prestasinya jika difikirkan perlu.

Dalam hal ini satu kajian khusus sedang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk menentukan strategi dan program yang sesuai bagi

meningkatkan semangat kejiranan di kalangan rakyat di negara kita ini. Jabatan juga telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak-pihak tertentu dengan tujuan untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud di samping mendapatkan idea-idea tentang cara-cara meningkatkan keberkesanan dan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam program dan aktiviti perpaduan. Antaranya ialah mengadakan perbincangan dengan penasihat perpaduan negara dengan pegawai-pegawai perpaduan negeri, dan daerah di seluruh negara dan juga dengan pihak media massa.

Bengkel dengan ahli-ahli jawatankuasa Rukun Tetangga juga sedang diaturkan selain daripada itu jabatan sedang memperbaiki program pendidikannya dan akan mempergiatkan aktiviti-aktiviti yang bertujuan mengasuh dan menyatukan pemikiran rakyat, khususnya di kalangan golongan muda iaitu belia dan pelajar-pelajar.

Walau bagaimanapun sukaulah saya menegaskan bahawa perpaduan rakyat tidak bergantung semata-mata kepada program dan aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara sahaja. Banyak faktor lain yang di luar kawalan Jabatan Perpaduan Negara secara langsung yang boleh mempengaruhi suasana perpaduan di negara ini.

Oleh yang demikian, semua pihak di negara ini termasuk orang perseorangan harus memainkan peranan masing-masing untuk membantu, memupuk semangat perpaduan, juga ditegaskan bahawa masyarakat adalah sesuatu yang dinamik iaitu sentiasa berubah dari masa ke semasa. Oleh itu kita haruslah memberi perhatian kepada faktor-faktor baru yang timbul akibat

daripada perubahan-perubahan itu supaya akan sentiasa wujud suasana perpaduan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pihak Kerajaan ada menitikberatkan tentang konsep kejiranan dan juga tentang konsep perhubungan masyarakat akan tetapi adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa konsep ini sungguhpun ada dilaksanakan tetapi tidak dapat membantu dalam pencapaian objektif Jabatan Perpaduan Negara ini, adakah Jabatan Perpaduan Negara ini benar-benar menjalankan satu kajian dengan menyeluruh mengenai masalah polarisasi kaum yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini dan apakah rekommendasi sekiranya kajian seperti ini ada dijalankan bagi tujuan untuk mencapai konsep perpaduan untuk negara.

Soalan yang kedua yang saya ingin bertanya, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa JPN ini ada menubuhkan satu panel penasihat bagi tujuan untuk memberi nasihat dan juga unit bimbingan kepada Jabatan Perpaduan Negara ini. Suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada pihak yang berkenaan bercadang untuk melantik seorang wakil dari pihak Pembangkang untuk menganggotai panel ini supaya pihak Pembangkang dapat menyampaikan syor-syor yang membina terhadap pencapaian objektif ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, konsep kejiranan merupakan satu daripada pendekatan untuk membantu perpaduan. Dan sudah tentunya satu cara sahaja tidak boleh mewujudkan matlamat yang kita sebutkan tadi, kita juga mengaturkan aktiviti-aktiviti lain seperti yang saya nyatakan tadi untuk membolehkan kita sampai ke arah itu.

Soalan yang kedua tadi, sama ada kita melaksanakan kajian-kajian yang lebih mendalam, saya juga telah mengatakan tadi memang kita sedang mengaturkan satu kajian yang lebih lagi mendalam selain daripada kajian-kajian yang dibuat bertujuan untuk menentukan ciri-ciri kejiranan yang boleh diterima oleh masyarakat di negara ini.

Bagi soalan yang ketiga mengenai panel penasihat yang saya sebutkan tadi, sukalah saya memaklumkan bahawa setakat ini ahli-ahli panel itu mengandungi tokoh-tokoh yang kami kira boleh memberi banyak nasihat dan pandangan yang membantu Kerajaan dalam usaha ke arah mencapai perpaduan. Walau bagaimanapun, atas cadangan Ahli Yang Berhormat untuk disertai oleh seorang Ahli Pembangkang itu, bolehlah kita pertimbangkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah beliau sedar bahawa perpaduan di antara rakyat di negara kita ini tidak semudah yang difikirkan oleh setengah pihak tetapi adalah berkehendakkan perpaduan dari peringkat kecil lagi, dari peringkat sekolah rendah, dari peringkat anak-anak, dari peringkat keluarga. Jadi tidak ianya lahir di peringkat sudah besar, sudah jadi belia, tambah-tambah kalau peringkat masuk parti Pembangkang. Jadi apakah rancangan Kerajaan untuk mengadakan satu cara persamaan dari semenjak anak itu lahir sehingga anak itu masuk Tadika, sehingga anak itu masuk sekolah rendah sehingga lahir satu kumpulan yang benar-benar melahirkan semangat perpaduan, kerana semangat perpaduan ini akan lahir daripada semenjak rebung bukan lahir apabila sudah besar. Jadi apakah perancangan diadakan oleh pihak tertentu. Biarlah pihak tua ini berpecah tetapi kita minta

pihak yang rebung, yang masih kecil itu wujud perpaduan yang lebih erat daripada apa yang ada sekarang ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetujulah dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa perpaduan di kalangan masyarakat untuk dipupuk bukanlah merupakan satu perkara yang mudah dan atas kesedaran inilah maka Kerajaan meningkatkan aktiviti-aktiviti bertujuan untuk menyatupadukan rakyat jelata di dalam negara kita.

Mengenai soalan yang kedua tadi, apakah program kita untuk membentuk sifat-sifat perpaduan yang ada dan mengikut Ahli Yang Berhormat tadi berkehendakkan semenjak seorang bayi itu lahir, masa itu kita tak ada program, kerana ini masih tanggungjawab ibunya dan dia pun tak berapa boleh bercakap, barangkali tak kenal kita semua.

Setakat Tadika ke atas itu memang kita ada program, kita tahu umpamanya Tadika-tadika kita pun merupakan pusat-pusat pendidikan yang bukan sahaja terhad kepada satu kaum dan memang kanak-kanak ini digalakkan bermain sesama sendiri. Apatah lagi di sekolah kita juga bukanlah merupakan sekolah-sekolah yang tertutup tetapi terbuka kepada semua kalangan masyarakat dan program-program Kerajaan pun memang juga diatur melalui Kementerian Pelajaran untuk memperkuatkan lagi semangat-semangat ini di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar dan saya percaya program seperti ini berjaya oleh kerana kita tahu pelajar-pelajar kita yang sudah pun membesar dan sekarang ini menjadi dewasa sebenarnya memang kita dapat lihat memiliki sifat-sifat perpaduan yang kuat.

ESTET GETAH—PENUKARAN TANAMAN

7. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar Syarikat-syarikat Perladangan gergasi seperti Sime Darby, Harrison's Malaysia Plantations Bhd dan lain-lain telah merancang untuk mengubah secara drastik nisbah tanaman ladangnya kepada 70% kelapa sawit, 20% getah dan 10% koko pada masa akan datang; dan
- (b) apakah kesan-kesannya jangka masa panjang bagi ekonomi kita dari segi penghasilan eksport tanaman.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Siong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sektor estet di Semenanjung Malaysia telah mengubah tanaman getah ke jenis tanaman lain iaitu kelapa sawit dan koko sejak beberapa tahun yang lalu. Misalnya pada tahun 1960, sektor estet getah di Semenanjung Malaysia merangkumi 783,198 hektar daripada jumlah kawasan getah seluas 1,549,190 hektar. Keluasan kawasan estet telah berkurangan sejak itu kepada 442,960 hektar pada tahun 1984 daripada jumlah luas kawasan sebanyak 1,684,000 hektar.

Namun demikian pada keseluruhannya kawasan yang ditanam dengan getah di Malaysia pada tahun 1984 meliputi kawasan seluas 2 juta hektar berbanding dengan kelapa sawit iaitu 1.3 juta hektar.

Sungguhpun kawasan tanaman getah sektor estet telah turun dalam tempoh tersebut, pengeluaran getah oleh sektor ini masih lagi stabil dengan menunjukkan pertambahan daripada 419,832 tan pada tahun 1960 kepada 508,300 tan pada tahun 1984. Pertambahan pengeluaran ini adalah hasil daripada peningkatan produktiviti di sektor estet.

Pada hemat saya adalah penting bagi sektor estet Malaysia di dalam perancangannya supaya dapat menunjukkan pembangunan yang seimbang di antara tanaman-tanaman. Walaupun kawasan getah dijangka mungkin tidak bertambah di masa hadapan, usaha-usaha sedang dilaksanakan untuk meningkatkan lagi produktiviti kawasan-kawasan getah menerusi penanaman semula dengan klon-klon yang bermutu tinggi dan amalan agronomi yang lebih baik.

Melalui peningkatan produktiviti dan dengan usaha-usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar yang cekap dan kos efektif, kedudukan Malaysia di pasaran dunia adalah lebih kompetitif.

Usaha-usaha ini boleh menambahkan lagi pengeluaran getah Malaysia di masa hadapan di samping juga meningkatkan pengeluaran minyak kelapa sawit, koko dan hasil-hasil tanaman yang lain. Dengan itu sektor barangan utama akan terus memainkan peranan penting dalam menyumbangkan kepada pendapatan pertukaran wang asing bagi Malaysia.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri memandangkan terlalu banyak kawasan-kawasan yang dahulunya ditanam dengan getah dan ditukar dengan tanaman-tanaman yang lain seperti kelapa sawit dan koko, saya hendak bertanya, mengapakah perkara ini berlaku dan apa dia sebab-sebab ataupun faktor-faktor yang menyebabkan penukaran ataupun "shift" ini, dengan izin, daripada getah kepada tanaman-tanaman yang lain. Adakah kerana getah merupakan tanaman yang tidak viable, yang tidak lukratif lagi berbanding dengan tanaman-tanaman yang lain itu.

Yang keduanya, keadaan ini tidakkah akan menjadikan pada jangka panjang negara kita yang

sehingga ini merupakan negara yang utama pengeluar getah tidak lagi pada satu masa nanti akan menjadi pengeluar utama getah di dunia ini dan bererti pasaran kita akan diambil dan disaingi oleh negara pengeluar-pengeluar yang lain. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, petani-petani telah menukarkan tanaman getah asli kepada tanaman-tanaman yang lain seperti pokok-pokok kelapa sawit dan koko adalah kerana mereka tidak boleh mendapat keuntungan yang sesuai bagi getah asli kalau dibandingkan dengan keuntungan daripada minyak kelapa sawit dan koko pada masa ini.

Tetapi pada masa akan datang, kita belum tahu harga bagi getah asli ataupun minyak kelapa sawit dan koko. Apa yang sangat penting ialah unit kos pengeluaran bagi getah asli, minyak kelapa sawit dan koko kalau berbanding dengan unit kos pengeluaran daripada bahan-bahan yang sama daripada pengeluar-pengeluar yang lain. Oleh sebab itu adalah tanggungjawab bagi Kementerian ini dan Kementerian-kementerian yang lain untuk menurunkan kos pengeluaran getah asli, minyak kelapa sawit dan koko juga, bukan menumpu kepada getah asli tetapi kepada tanaman-tanaman yang lain. Ini saya fikir adalah isu yang pokok bagi getah asli dan minyak kelapa sawit serta koko. Saya fikir ini pandangan yang mendalam untuk mengatasi masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh perindustrian getah asli dan kepada tanaman-tanaman yang lain pada masa akan datang.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Apakah garis panduan daripada pihak Yang Berhormat Menteri kepada penanam-penanam estet untuk getah, koko dan kelapa

sawit? Apakah cadangan kepada mereka bagi jangka masa yang panjang?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, keputusan sedang dan akan dibuat oleh sektor estet untuk menanam getah asli, pokok-pokok kelapa sawit, koko dan tanaman-tanaman yang lain. Kementerian saya boleh memberi nasihat kepada sektor estet di masa hadapan bagi tanaman-tanaman ini. Apa suka saya hendak menegaskan ialah sektor estet mesti menentukan pembinaan yang seimbang di antara tanaman-tanaman supaya harga tanaman ini tidak boleh terjatuh lagi kalau mereka menumpukan menubuhkan terhadap sesuatu tanaman sahaja.

PERSEKITARAN PENGAJARAN/ PEMBELAJARAN SEKOLAH- SEKOLAH LUAR BANDAR

8. Tuan Andrew Janggi Muiyang minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab peratusan kelulusan yang diperolehi oleh murid-murid dari sekolah-sekolah luar bandar di dalam apa jua jenis peperiksaan tidak memuaskan jika dibandingkan dengan peraturan kelulusan yang diperolehi oleh murid-murid dari sekolah-sekolah di bandar. Apakah tindakan dan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa jurang perbezaan peratus pencapaian atau kelulusan dalam berbagai peperiksaan masih wujud di antara murid-murid bandar dengan murid-murid luar bandar.

Faktor utama yang mempengaruhi prestasi murid-murid luar bandar ialah persekitaran kurang beruntung, dengan izin, "disadvantaged environment" yang terdapat di luar

bandar. Memang menjadi dasar Kementerian Pelajaran memberi keutamaan kepada kawasan luar bandar dari segi menambahkan dan memperbaiki lagi mutu kemudahan-kemudahan pelajaran serta menempatkan guru-guru terlatih dan berpengalaman di luar bandar. Kementerian Pelajaran akan terus menggiatkan usaha-usaha untuk memperbaiki persekitaran pengajaran dan pembelajaran sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membuat soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu pertama sekali mengenai apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, salah satu daripada sebab-sebab kejatuhan ataupun kemunduran keputusan peperiksaan pelajar-pelajar di luar bandar ialah disebabkan oleh kurang beruntung ataupun alam persekitaran dan ini lebih tepat dikatakan keadaan kemiskinan di kalangan keluarga pelajar-pelajar di luar bandar. Jadi adakah pihak-pihak Kementerian telah ataupun akan menyediakan satu dasar baru ataupun satu peraturan baru untuk memberikan bantuan dalam bentuk biasiswa atau lain-lain yang lebih kepada pelajar-pelajar di luar bandar supaya dengan bantuan yang demikian akan dapat memberikan galakan kepada pelajar-pelajar untuk meninggikan pencapaian mereka dalam setiap peperiksaan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mungkin salah satu lagi sebab, saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian menyedari bahawa salah satu sebabnya ialah kerana sebahagian besar guru-guru tenaga pengajar yang berada di luar bandar mengikut pelaksanaan yang ada sekarang begitu lama bertugas di kawasan-kawasan luar bandar dan jarang-jarang dapat dipindahkan ke bandar? Ada di

antaranya daripada muda sampai bersara di sebuah sekolah yang sama. Jadi ini menyebabkan prestasi pengajarannya makin lama makin menurun. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menerangkan masalah ini.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah benar iaitu faktor-faktor yang utama adalah kemiskinan. Dan oleh kerana ini Kementerian Pelajaran telah menjalankan beberapa projek kebajikan untuk murid-murid yang miskin seperti bantuan skim buku teks seperti khidmat bantu, seperti projek susu, rancangan makanan tambahan, perkhidmatan mata, perkhidmatan pergigian dan lain-lain. Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatasi kesulitan pelajar-pelajar di luar bandar berulang-alik di sekolah, Kementerian Pelajaran telah pun mengadakan asrama bagi sekolah-sekolah menengah harian sebanyak 349 dan sekolah rendah sebanyak 459. Saya percaya langkah-langkah seperti ini adalah memuaskan untuk mengurangkan beban kewangan orang-orang miskin.

Kepada soalan yang kedua iaitu ada kadang-kadang guru-guru yang berkhidmat sampai bersara di sesuatu tempat luar bandar dan tidak dapat ditukarkan ke bandar-bandar, saya percaya dalam peraturan-peraturan yang telah diwujudkan dalam Kementerian Pelajaran setiap guru yang ditempatkan di satu tempat atau satu negeri tidak boleh buat permohonan tukar ke luar negeri itu selama 5 tahun. Tetapi selepas 5 tahun ianya layak untuk membuat permohonan untuk menukar ke luar negeri itu. Tetapi dalam masa 5 tahun itu di mana ianya berkhidmat, dia adalah kuasa dan layak untuk membuat permohonan menukar sendiri antara satu sekolah ke sekolah lain yang lebih sesuai. Saya percaya ada

kemungkinan seseorang jikalau ada guru-guru yang menempatkan dirinya di satu tempat-tempat sahaja sampai dia bersara mungkin ia telah mengadakan akar atau roots dalam tempat itu dan tidak ingin sendiri untuk menukar tempat.

KOKO—MEMPERBAIKI MUTU KELUARAN

9. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keluaran (yield) dan mutu koko; kita memandangkan koko dari Ivory Coast, Ghana dan Brazil mempunyai "acidity content" yang tinggi dan juga biji koko kecil. Adakah langkah-langkah yang diambil ini berjaya dalam mengatasi masalah ini; nyatakan keputusan kajian mengenai koko yang dijalankan oleh MARDI dan Quoin Hill Cocoa Research Station; adakah keputusan kajian yang dibuat oleh kedua pusat kajian ini memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan koko di negara ini dari segi keluaran produktiviti dan mutu. Adakah Kementerian berjaya dalam menghapus "Cocoa Moth" terutama di Sabah. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin dan memperbaiki lagi mutu koko Malaysia supaya setanding dengan pengeluar-pengeluar utama di dunia, Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah tertentu dengan mempergiatkan seperti berikut.

Bidang penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI dan pihak swasta di Semenanjung dan Quoin Hill di Sabah. Pemindahan teknologi baharu kepada penanaman koko terutama sekali di sektor pekebun-pekebun kecil dan mengadakan program pemulihan kawasan koko di sektor pekebun kecil di Semenanjung

dan memperbaiki lagi sistem pemasaran dan mewujudkan sistem penggredan koko untuk koko yang dieksport dari Malaysia. Penyelidikan dijalankan di MARDI telah menghasilkan teknologi boleh mengubah corak pengeluaran koko dari tanaman biji benih (hybrid) yang menghasilkan biji koko yang tidak seragam dengan corak tanaman clone yang akan dapat mempertingkatkan hasil ke tahap sekurang-kurangnya 30% lebih daripada hasil yang diperolehi dari tanaman hybrid. Ianya juga akan menghasilkan pengeluaran biji koko yang lebih seragam yang diperlukan oleh pasaran dunia.

MARDI telah berjaya mewujudkan teknologi pengeluaran benih secara tampang (vegetative propagation) dan telah mengisytiharkan lima clone koko yang mampu memberi hasil di antara 1,500 ke 3,000 kilogram satu hektar dan ketahanan kepada beberapa penyakit termasuk VSD (matirosot), clone-clone ini telah pun digunakan untuk penanaman koko secara clone di Malaysia. Dalam usahanya untuk memperbaiki lagi kedudukan tanaman yang ada sekarang, MARDI telah berjaya mewujudkan teknologi pemuliharaan tanaman koko menerusi teknologi cantuman dewasa. Teknologi itu telah diuji di kawasan seluas 800 hektar di Bagan Datuk, Hutan Melintang, Kuala Selangor dan Pontian. Teknologi ini telah didapati sesuai dan seterusnya pekebun-pekebun kecil koko di seluruh Semenanjung telah digalakkan untuk memulihkan tanaman koko mereka dengan teknologi ini.

MARDI juga telah berjaya menghasilkan teknologi fermentasi cetek dan pengeringan untuk koko yang mana dapat mengurangkan lagi kemasaman biji koko yang dihasilkan. Dengan adanya sistem fermentasi dan pengeringan ini masalah acidity biji koko kita dapat diatasi. Teknologi ini

sedang hebat disebar oleh MARDI dan FAMA telah mula digunakan dalam sistem fermentasi koko.

Memandangkan yang daya dan mutu pengeluaran koko terutama sekali di sektor pekebun kecil adalah rendah, Kementerian Pertanian menggalakkan pekebun-pekebun kecil koko di Semenanjung untuk memulihkan tanaman koko mereka dari tanaman hybrid kepada tanaman clone dengan menggunakan teknologi mature budding yang dicipta oleh MARDI. Kejayaan diperolehi setakat ini sangatlah membanggakan. Pindahan teknologi moden kepada penanaman koko yang sedang pesat berjalan. Dalam usaha untuk menjamin koko yang dieksport mempunyai jaminan mutu yang tertentu Kementerian Pertanian menerusi FAMA telah mewujudkan sistem penggredan koko di pelabuhan-pelabuhan tertentu di mana koko dieksport, sambutan yang diterima adalah menggalakkan. Kajian di Quoin Hill ditumpukan ke arah pembasmian masalah cocoa moth setakat ini penyelidikan yang dijalankan telah mendatangkan hasil di mana teknologi yang diperolehi dapat mengawal dan mengurangkan populasi cocoa moth ke tahap ekonomik. Seterusnya MARDI yang juga sedang mempergiatkan penyelidikannya ke arah teknologi penggunaan koko, terutama sekali dengan KOKOMAL di Hutan Melintang. Dengan ini adalah jelas bahawa keputusan kajian yang dijalankan oleh kedua-dua pusat kajian ini telah memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan koko di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 40 adalah diberi di bawah ini)

BARANGAN YANG DIIMPORT

10. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan peratusan barangan tempatan yang dapat menggantikan barangan yang diimport bagi kategori barangan modal, barangan perantaraan, barangan pengguna dan barangan akhir. Apakah anggaran peratusan kandungan asing dalam barangan buatan tempatan tersebut di atas? Apakah usaha dan rancangan lain yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan peratusan penggantian import ini? Bilakah rancangan ini akan dilaksanakan? Bagaimana ianya akan dilaksanakan? Jika tidak, mengapa?

Datuk Oo Gin Sun: Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkilangan tempatan adalah digalakkan untuk menggantikan import. Mengikut Banci Perusahaan-perusahaan Perkilangan, Malaysia, 1981, (iaitu Banci terakhir yang diperolehi) jumlah nilai pengeluaran perusahaan-perusahaan perkilangan dalam negeri adalah dianggarkan sebanyak \$38,278 juta, dalam mana \$5,051 juta adalah dieksport. Nilai import barang-barang perkilangan telah dianggarkan sebanyak \$17,609 juta dalam tahun 1981. Berdasarkan kepada angka-angka ini, adalah didapati bahawa dalam tahun 1981, kira-kira 65.4% daripada keperluan negara untuk barang-barang perkilangan adalah dipenuhi oleh pengeluaran dalam negeri. Walau bagaimanapun, adalah tidak mungkin untuk menunjukkan peratus kandungan asing yang terdapat dalam barang-barang yang dikilang di negara ini memandangkan terdapat berjenis-jenis barang yang dikilang dan cara pengeluaran yang berlainan yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha serta industri-industri. Peratusan kandungan asing yang digunakan jauh berbeza dari satu barang dengan yang lain.

Sebagai satu contoh, Ahli Yang Berhormat, mungkin maklum bahawa kandungan bahan-bahan tempatan di dalam barang-barang elektronik yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang ditempatkan di Zon-zon Perdagangan Bebas dan di Gudang-gudang Perkilangan Berlesen, telah dianggarkan pada hanya 2.9% sahaja dalam tahun 1982. Walau bagaimanapun, dalam industri barang-barang getah, kandungan tempatan adalah lebih tinggi, dari kira-kira 40% dalam tayar "earthmover" kepada 70% untuk "industrial and household gloves" dan 76% untuk "latex thread". Sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan perindustrian, Kerajaan akan terus menggalakkan penubuhan industri-industri untuk menggantikan import untuk mengurangkan import barang-barang perkilangan. Selaras dengan ini, Kerajaan telah memulakan pusingan kedua penggantian import. Adalah diharapkan bahawa ini akan mempertingkatkan serta memperluaskan asas perindustrian negara ini. Untuk mencapai ke arah ini, barang-barang yang dapat mengganti import sedang dikenalpasti dan pelabur-pelabur adalah digalakkan untuk mengilang barang-barang yang telah dikenalpasti ini.

GURU SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH DI SARAWAK— KEKURANGAN

11. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sehingga bulan Mei, tahun 1985, berapakah kekurangan guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Sarawak dan Sabah. Apakah langkah-langkah akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan guru-guru.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa sehingga bulan Mei, 1985 bilangan jawatan guru yang belum diisi di sekolah rendah di

Sabah adalah sebanyak 235 dan di Sarawak pula adalah 192. Di sekolah menengah pula bilangan jawatan guru yang belum diisi di Sabah adalah sebanyak 525 dan di Sarawak sebanyak 9.

Untuk mengisi kekosongan ini, pihak Kementerian dari masa ke semasa menggunakan perkhidmatan guru sementara. Sebagai tindakan jangka panjang Kementerian Pelajaran telah mula menambahkan pengambilan guru-guru pelatih untuk mengatasi masalah kekurangan guru bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi juga untuk seluruh negara.

HARGA BARANG-BARANG PETROLEUM

12. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan dengan jelas "mechanism" apakah yang secara automatik menurun dan menaikkan harga kelima-lima keluaran minyak yang terkawal untuk mencerminkan perubahan dalam kos menyeluruh oleh syarikat-syarikat minyak khususnya bahawa eksport-eksport petroleum kita telah juga dibayar dalam dolar Amerika Syarikat dan oleh yang demikian, kenaikan dolar Amerika Syarikat tidak seharusnya menjadi sebab bagi menaikkan harga-harga hasil petroleum.

Datuk Oo Gin Sun: Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah memandangkan kedua-dua soalan ini mempunyai pokok perbincangan yang sama.

Harga runcit barang-barang petroleum iaitu petrol premium dan regular, diesel, minyak tanah dan LPG

di negara ini, ditetapkan mengikut satu formula Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum, yang telah pun dilaksanakan mulai 2 April, 1983. Di bawah formula ini, harga barang-barang petroleum dikaji tiap-tiap bulan dan mulai 1 Jun, 1985, dibuat tiap-tiap suku tahun. Pengubahsuaian kepada formula Mekanisma Harga ini ialah untuk mengelakkan daripada perubahan harga yang kerap, yang mungkin mengelirukan orang ramai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah formula Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum ini, elemen-elemen yang diambil kira ialah:

- (i) kos barangan barang-barang petroleum bertapis;
- (ii) kos operasi syarikat-syarikat minyak;
- (iii) duti.

Kos barangan (product posting) disebut harga dalam matawang Dollar US. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semua dagangan barang-barang petroleum sama ada minyak mentah ataupun bertapis di pasaran antarabangsa adalah dibuat dalam matawang Dollar US. Untuk menilai kos barangan dalam matawang Ringgit, kita terpaksa menggunakan kadar pertukaran matawang Dollar US/Ringgit. Walaupun harga minyak mentah dan barang-barang petroleum bertapis di pasaran antarabangsa adalah lemah tetapi dengan kukuhuan matawang Dollar US berbanding dengan Ringgit. Ini bererti bahawa kos barangan dalam nilai Ringgit telah menjadi lebih mahal. Begitu juga, jika nilai matawang Dollar US menjadi lebih lemah berbanding dengan Ringgit, ia akan menyebabkan kos barangan menjadi lebih murah dalam matawang Ringgit.

Kenaikan harga runcit barang-barang petroleum yang telah dilaksanakan mulai 1 Jun, 1985 adalah semata-mata disebabkan oleh kekukuhan matawang Dollar US yang telah menyebabkan kos barangan meningkat dalam matawang Ringgit. Oleh yang demikian, jelas bahawa kekukuhan nilai Dollar US merupakan satu kos yang sebenar kepada syarikat-syarikat minyak. Kita cuma berharap kekukuhan Dollar US ini adalah buat sementara sahaja. Kerajaan akan mengubahsuai harga runcit barang-barang petroleum jika nilai Dollar US turun dengan kadar yang munasabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, masalah kekukuhan Dollar US ini bukan sahaja dihadapi oleh negara kita tetapi juga oleh lain-lain negara di seluruh dunia.

Pengeksportan minyak mentah negara kita dan penetapan harga runcit barang-barang petroleum di bawah formula Mekanisma Harga merupakan dua perkara yang berasingan. Pengeksportan minyak mentah negara kita yang juga dilakukan dalam Dollar US bererti bahawa hasil eksport kita telah meningkat dalam matawang Ringgit. Jika Kerajaan menetapkan harga runcit barang-barang petroleum rendah daripada harga yang sepatutnya melalui pengurangan kadar duti atau pemberian subsidi, ini akan memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan. Misalnya bagi tiap-tiap 1 sen seliter pengurangan kadar duti atau pemberian subsidi atas petrol premium akan melibatkan beban kewangan kira-kira 1.88 juta Ringgit sebulan atau \$22.56 juta setahun. Oleh kerana ini Kerajaan telah menghapuskan subsidi atau diesel dan minyak tanah sejak 1 Januari, 1984. Memandangkan implikasi kewangan ini, maka Kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan harga runcit barang-barang petroleum rendah daripada paras harga yang sepatutnya. Begitu juga Kerajaan tidak berhasrat untuk

menetapkan harga runcit barang-barang petroleum pada paras yang lebih tinggi dari harga yang sepatutnya.

Saya tidak menafikan bahawa kenaikan harga barang-barang petroleum mungkin mempunyai sedikit sebanyak kesan ke atas kos barang-barang keluaran tempatan lain. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan di sini bahawa kenaikan harga barang-barang petroleum bukan merupakan faktor tunggal yang akan menyebabkan kos pengeluaran lain-lain barang keluaran tempatan turut naik. Terdapat lain-lain faktor kos pengeluaran yang juga memberi kesan atas kos barang-barang keluaran tempatan seperti kuasa-kuasa penawaran dan permintaan, kos lain bahan-bahan mentah dan sebagainya.

KAWASAN TAKUNG AIR— KAJIAN

13. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya memberitahu sudahkah kajian mengwujudkan satu kawasan Takungan Air (Water Catchment Area) melalui Projek Muar River Basin di Ulu Sg. Muar di Negeri Sembilan selesai. Jika sudah adakah kajian ini didapati "Feasible" dan bilakah agaknya akan dilaksanakan memandangkan keadaan bekalan air di Negeri Sembilan selalu sangat terganggu.

Dato S. Samy Vellu: Kajian untuk mengwujudkan kawasan Takungan Air melalui Projek "Muar River Basin" telah pun siap pada tahun yang lepas, dan ia didapati adalah "Feasible". Berdasarkan pada kajian "Muar River Basin" itu, Rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan Timor telah dicadang untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kelima yang mana akan dibentang di Dewan Rakyat untuk pertimbangan. Kerja-kerja Pembinaan akan bergantung pada peruntukan yang akan diluluskan.

PULAU LUMUT— PEMBANGUNAN

14. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Perdana Menteri menyatakan berapakah peruntukan sebenar yang dicadang untuk pembangunan Pulau Lumut dan bilakah projek ini akan siap serta sebutkan usaha dan rancangan yang dicadang bagi penyertaan bumiputera dan syarikat bumiputera dari mula dibangunkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: adalah dimaklumkan kepada Yang berhormat bahawa projek pembangunan Pulau Lumut atau yang dikenali juga sebagai Projek Pelabuhan Barat—Pelabuhan Kelang telah dimasukkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke 5. Untuk makluman Yang Berhormat, anggaran kos bagi projek ini adalah dalam lingkungan \$500 juta. Sekiranya segala-galanya berjalan lancar, sebagaimana dirancangkan, pembinaannya akan dimulakan pada pertengahan tahun 1986 dan dijadualkan siap pada akhir tahun 1990.

Segala kerja-kerja binaan bagi projek ini akan diselenggarakan secara tawaran kontrak dan keutamaan kepada pemborong-pemborong tempatan yang layak.

INSTITIUT DAKWAH DAN LATIHAN ISLAM (INDAH)

15. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan Perdana Menteri menyedari akan tindakan segolongan ahli-ahli agama Islam yang sentiasa mengeksploitasikan pandangan-pandangan dan kerja-kerja berbentuk keagamaan dengan tujuan kepentingan politik sendiri sehingga membawa kekeliruan rakyat-

rakyat yang beragama Islam; dan apakah peranan yang telah dimainkan oleh Institiut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) bagi mengadakan aktiviti-aktivitinya untuk menyekat perbuatan yang demikian ini supaya tidak terus berleluasa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Kerajaan memang sedar tentang adanya orang-orang yang memeralatkan agama Islam untuk kepentingan politik. Institiut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) adalah satu cawangan dalam Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri yang fungsi utamanya mengadakan kursus-kursus latihan dakwah untuk mempertingkatkan kefahaman terhadap Islam.

Soal penyebaran ajaran dan amalan agama yang mengelirukan masyarakat sama ada ianya berbau politik atau merupakan penyelewengan aqidah adalah masalah yang telah lama dihadapi di negara ini. Cara yang berkesan untuk memerangi masalah ini ialah dengan mempergiatkan kegiatan dakwah dan memperluaskan pengajaran agama di kalangan anggota masyarakat semua lapisan iaitu dari kalangan pelajar-pelajar sekolah hingga orang dewasa melalui masjid-masjid dan surau-surau dan melalui media massa. Usaha-usaha ini telah, sedang dan akan terus dijalankan oleh beberapa agensi Kerajaan seperti Jabatan Ugama Islam Negeri, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan dan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain lagi dan juga oleh organisasi-organisasi dakwah bukan kerajaan. Ini merupakan usaha yang berterusan kerana masalah yang dihadapi oleh masyarakat itu merupakan masalah yang akan terus timbul di sana sini dari semasa ke semasa tanpa berkesudahan.

PEGAWAI PENERANGAN KHAS DI NEGERI

16. Tuan Baharom bin Haji Bakar: minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada—

- (i) Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan pegawai-pegawai penerangan khas di Negeri-negeri; dan
- (ii) Kerajaan bercadang untuk menyerapkan pegawai-pegawai penerangan khas yang sekarang merupakan jawatan kontrek ke jawatan-jawatan tetap dan berpencen.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim):

- (i) Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan ini, sukalah dinyatakan bahawa Kementerian saya sememangnya sentiasa memberi perhatian serta mengambil berat terhadap keperluan kakitangan Jabatan-jabatan di bawahnya, khususnya dalam hal ini keperluan menambahkan bilangan Pegawai Penerangan Khas bagi Jabatan Penerangan.
- (ii) Setakat ini Kementerian saya belum bercadang menyerapkan Pegawai-pegawai Penerangan Khas yang sekarang menjawat jawatan kontrek ke jawatan tetap dan berpencen. Walau bagaimanapun Kementerian saya amatlah menghargai cadangan Yang Berhormat itu.

BANK BUMIPUTERA—MASALAH BERLAKU

17. Tuan Ibrahim Azmi Hassan: minta Menteri kewangan menyatakan mengapakah Bank Bumiputra sahaja yang selalu dan sentiasa dengan berbagai-bagai masalah berlaku dan

yang selalu mengalami kerugian-kerugian sedangkan Bank-bank yang lain di Malaysia ini tidak timbul masalah sebagaimana yang dialami oleh Bank Bumiputra; dan apakah sebab-sebab yang besar menyebabkan kerugian-kerugian yang telah dialami oleh BBMB selama ini; dan adakah semuanya itu akan dapat diatasi; apakah polisi-polisi baru yang akan memberi kesan yang lebih baik.

Dato Sabbaruddin Chik: Kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus bahawa Bank Bumiputra Malaysia Berhad sahaja yang selalu dan sering menghadapi masalah adalah tidak benar.

Kalau kita menyingkap sejarah dan melihat keadaan bank-bank atau institusi-institusi kewangan bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga antarabangsa, institusi-institusi tersebut juga menghadapi masalah dari masa kemasa. Contohnya pada bulan Oktober, 1966, Malayan Banking Berhad telah menghadapi masalah dan pada tahun 1975. Bank Kerjasama Rakyat pula menghadapi masalah yang sama. Di Amerika Syarikat Continental Illinois Bank salah sebuah bank yang terbesar di dunia menghadapi masalah. Baru-baru ini keadaan yang sama berlaku di England, Hong Kong, Filipina, India, Latin Amerika, dan Taiwan. Di dalam menentukan kepentingan awam dan negara, bank dan institusi-institusi kewangan yang menghadapi masalah itu telah dibantu oleh kerajaan negara masing-masing.

Biarlah saya jelaskan di sini bahawa masalah yang dihadapi oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad bukannya berpunca daripada operasi. Ianya adalah disebabkan serta melibatkan penyalahgunaan kuasa, pecah amanah dan lain amalan yang bertentangan dengan amalan bank oleh bekas-bekas pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan urusaniaga Bumiputra Malaysia Finance Limited

di Hongkong. Hakikatnya ialah Bank Bumiputra Malaysia Berhad merupakan sebuah bank yang kukuh dan terbesar di negara kita pada masa lampau dan masakini.

Untuk menentukan masa depan Bank Bumiputra Malaysia Berhad sebagai sebuah bank yang terkukuh dan terbesar di negara kita dan terus terjamin, pihak Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas dengan merombak Ahli Lembaga Pengarah dan menyusun semula pengurusan Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Tujuan ianya dilakukan adalah semata-mata untuk menentukan bahawa urusan Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan anak-anak syarikatnya dapat dijalankan dengan berkesan dan mendatangkan keuntungan kepada pemegang sahamnya. Mereka yang telah dilantik di dalam Lembaga Pengarah dan Pengurusan mempunyai kepercayaan sepenuhnya dari Kerajaan untuk membantu memulih kepercayaan dan imej Bank Bumiputra Malaysia Berhad kepada satu tahap yang kita sama-sama dapat banggakan. Banyak kerja-kerja yang perlu dilakukan dan adalah tanggungjawab kita semua untuk memberi peluang kepada Pengurusan baru menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan jaya tanpa desakan dan tekanan yang tidak berasas. Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah berjaya mengurangkan jumlah kerugian operasinya sebanyak \$969.3 juta kepada \$105.4 juta pada tahun berakhir 1984 dan anak-anak syarikatnya juga menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Saya percaya bahawa kedudukan ini dapat diperbaiki dari masa ke masa. Dengan pengenalan polisi-polisi baru dan tindakan-tindakan pengurusan yang bertujuan untuk mengemaskini polisi dan program-program latihan kakitangan, meluaskan penggunaan komputer, memperbaiki disiplin, saya percaya ia mempunyai masa depan yang cerah.

Bank Bumiputra Malaysia Berhad terpaksa menghadapi cabaran masakini dan masa depan dan ia sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah bagi tujuan ini. Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah mengadakan beberapa sistem pengawalan dari segi pinjaman Offshore oleh cawangan-cawangan dan anak-anak syarikat supaya dapat menentukan ianya dijalankan megikut landas-landas yang ditetapkan.

PELAJARAN SEKOLAH RENDAH— KAJIAN

18. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran menyatakan sudahkah pihak Kementerian beliau mencapai keputusan dari kajian mengurangkan pelajaran sekolah Rendah 6 tahun ke 5 tahun. Adakah pihak Kementerian membuat kajian kemungkinan mengurangkan umur masuk Sekolah Rendah dari 7 tahun ke umur 6 tahun.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Soalan ini telah dijawab pada 16hb Julai, 1985 bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Tanjung dan Padang Serai dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

SISTEM KERETAPI CEPAT KE PANTAI TIMUR

19. Tuan Hj. Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah rancangan mengadakan sistem keretapi cepat dari Kelantan ke Kuala Lumpur melalui Kuala Terengganu dan Kuantan akan dimulakan. Setakat manakah perkembangan rancangan itu hingga sekarang. Berapakah anggaran perbelanjaan yang dijangka terlibat bagi membiayai rancangan ini dan pihak manakah yang akan dipertanggungjawabkan bagi menyelenggara dan melaksanakannya.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Rancangan Keretapi Baru Timur-Barat yang menyambungkan Pelabuhan Kelang dengan bandar-bandar di negeri Pantai Timur Semenanjung adalah di dalam peringkat akhir persiapan untuk mendapatkan keputusan oleh Kerajaan. Pihak Pentadbir Keretapi Tanah Melayu sedang menyiapkan kertas laporan untuk Kabinet membuat keputusan sama ada projek ini perlu dijalankan atau sebaliknya. Laporan ini dijangka akan dikemukakan kepada Kabinet sedikit hari lagi. Laporan ini juga akan memberikan cadangan bentuk pembiayaan dan pelaksanaannya. Pihak Kerajaan akan menentukan institusi-institusi atau pihak mana yang akan melaksanakan projek ini kelak.

PENDATANG HARAM INDONESIA—KEMASUKAN

20. Tuan Chan Kok Kit: minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa beliau menemui rombongan Pemuda UMNO berhubung dengan kemasukan pendatang-pendatang haram Indonesia ke Malaysia, beliau berkata bahawa Kerajaan tidak akan membenarkan pendatang-pendatang haram Indonesia yang beragama Kristian memasuki Malaysia, apakah ini merupakan satu pengakuan oleh Kerajaan bahawa pendatang-pendatang haram Indonesia yang beragama Islam telah dan akan terus dibenarkan memasuki Malaysia dengan bebasnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Sepertimana yang saya telah beberapa kali memaklumkan di dalam Dewan Yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri tetap bertindak tegas mengikut undang-undang Imigresen terhadap mana-mana warganegara asing yang

masuk ke negara ini secara haram tanpa mengira negara asal, keturunan, agama atau tujuan mereka. Mereka tetap akan ditangkap, didakwa dan diusir keluar ke negara asal mereka apabila mereka dikesan.

PEGAWAI DAERAH/PENOLONG PEGAWAI DAERAH

21. Tuan Ban Hon Keong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pegawai-pegawai daerah dan penolong pegawai-pegawai daerah di negara kita; dan
- (b) jumlah pecahan bangsa pegawai-pegawai ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Jumlah Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah dari kalangan pegawai-pegawai gunasama (iaitu PTD dan PTA) ialah seramai 248 orang. Bilangan ini tidak termasuk pengisian jawatan-jawatan berkenaan di Negeri Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak kerana jawatan-jawatan tersebut diisi oleh pegawai perkhidmatan negeri masing-masing.

Pecahan mengikut kaum bagi pegawai-pegawai ini ialah:

Melayu	=	243	pegawai
Cina	=	2	pegawai
India	=	3	pegawai
JUMLAH		<u>248</u>	pegawai

AKTA PERIKANAN—BANTAHAN NELAYAN

22. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa terdapat bantahan sebilangan nelayan-nelayan terhadap Akta Perikanan 1984. Apakah aspek-aspek utama

“feedback” daripada nelayan-nelayan terhadap Akta tersebut, terutamanya tentang masalah-masalah yang timbul. Bagaimana kefahaman dan kesempurnaan pelaksanaan Akta tersebut di kalangan pegawai-pegawai perikanan.

Tuan Luhut Wan: Sebelum ini terdapat sebilangan nelayan-nelayan membantah terhadap Akta Perikanan 1984 oleh kerana pada masa itu mereka masih tidak memahami tentang kandungan, rasional dan implikasi Akta baru itu. Tetapi setelah penerangan mengenainya diberikan kepada persatuan-persatuan nelayan dan nelayan-nelayan di seluruh negara, segala keraguan terhadap Akta berkenaan telah dapat dijelaskan.

Setelah penjelasan diberi kebanyakan daripada nelayan-nelayan tersebut telah menyokong supaya Akta Perikanan 1984 ini dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun sebilangan kecil daripada mereka tidak menyokong dan kebanyakannya adalah nelayan-nelayan Pukat Tunda. 75% daripada kes-kes tangkapan pada masa lalu adalah terdiri daripada bot-bot Pukat Tunda yang sering mencero bohi kawasan nelayan-nelayan tradisi. Golongan seperti nelayan Pukat Tunda ini tentulah merasa bimbang kerana memang berhasrat untuk mencero bohi kawasan nelayan tradisi. Tujuan utama Akta baru ini adalah untuk memberi perlindungan ke atas sumber-sumber perikanan dan juga menjaga kepentingan nelayan-nelayan tradisi supaya mata pencarian mereka tidak terancam. Walau bagaimanapun bagi bot-bot Pukat Tunda yang mematuhi undang-undang mereka tidak perlu bimbang terhadap Akta baru tersebut.

Jabatan Perikanan telah menerangkan dengan se jelas-jelasnya kandungan, tujuan dan implikasi Akta

baru itu kepada semua pegawai-pegawai penguatkuasa dari Jabatan tersebut di semua peringkat termasuk peringkat daerah dan negeri. Jabatan itu juga sedang menyediakan garis panduan dan peraturan-peraturan untuk melaksanakan Akta itu. Ini dibuat bertujuan untuk menentukan supaya Akta Perikanan baru dilaksanakan dengan adil dan saksama.

KAKITANGAN KERAJAAN— BILANGAN

23. Dato Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pecahan kakitangan Kerajaan mengikut kaum;
- (b) peratus setiap kaum ini;
- (c) polisi dan kriteria bagaimana kakitangan Kerajaan kita diambil kerja dan naik pangkat; dan
- (d) sama ada polisi dan kriteria sekarang ini untuk diambil kerja dan naik pangkat telah dilaksanakan dengan teliti dan juga mengatakan sama ada Kerajaan pada amnya puas hati dengan pekerjaan dalam hal penghasilan dan kecekapan kakitangan Kerajaan kita.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

1. (a) Bilangan pecahan kakitangan Kerajaan dan
- (b) peratus setiap kaum adalah seperti berikut:

Melayu	Cina	India	Lain-lain
481.441	97.956	68.537	49.752
69.01%	14.04%	9.32%	7.13%

- (c) Pengambilan kakitangan Kerajaan adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi sesuatu jawatan tersebut dan pemilihan dibuat oleh

Suruhanjaya yang bebas yang ahli-ahlinya dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kenaikan pangkat pula adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria dalam Perintah Am 50 Bab A.

- (d) Urusan pengambilan dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam memang dilaksanakan dengan amat berhati-hati. Walaupun Kerajaan berpuashati dengan penghasilan kerja dan kecekapan kakitangan awam, Kerajaan berpendapat ianya masih boleh diperbaiki lagi. Oleh sebab itulah Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk ke arah meninggikan lagi penghasilan kerja kakitangan awam termasuk mengadakan kumpulan meninggikan mutu kerja, mengadakan sistem fail meja dan prosedur kerja dan kempen kepimpinan melalui tauladan, kad perakam waktu dan lain-lain lagi.

JALAN LUAR BANDAR— MEMPERBAIKI

24. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah apa-apa cadangan untuk membaiki dengan menurap tar semua jalanraya utama dari Semantan ke Bau/Ban/Batu Kawa/Kuching Dalam Bahagian Pertama, Simanggang/Sibu/Miri/Bintulu/Limbang/Lawas di Sarawak dan adakah lebih banyak wang untuk jalan-jalan di luar bandar diperuntukkan bagi memperbaiki perhubungan dalam negeri. Jika ya, berapa jumlahnya dan bila.

Dato' S. Samy Vellu: Jalan-jalan raya disebutkan oleh Ahli Yang

Berhormat adalah termasuk di dalam Rancangan untuk memperbaiki dan menurap tar jalanraya utama Sarawak. Oleh kerana saya telah menerangkan tentang rancangan tersebut di dalam Dewan yang mulia ini pada 15hb Julai, 1985 yang lalu kepada soalan yang serupa, maka tidaklah perlu saya mengulanginya lagi.

Mengenai Peruntukan bagi memperbaiki jalan-jalanraya luar bandar, saya telah difahamkan bahawa sebanyak 59.1 juta telah diperuntukan untuk tahun ini seperti berikut:

1. Jalan-jalan raya menyambung (FEEDER ROADS)	\$ 45.17	Juta
2. Jalan-jalanraya pembangunan	10.00	Juta
3. Jalan-jalanraya Luar Bandar	3.93	Juta
	<u>\$59.10</u>	Juta

Sebanyak 79 jalan-jalanraya luar bandar adalah terlibat iaitu 38 jalan-jalanraya menyambung (Feeder Roads), 31 jalan-jalanraya pembangunan dan 10 jalan-jalanraya luar bandar.

TABUNG AMANAH NEGARA— PENUBUHAN

25. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan benarkah Kerajaan telah memutuskan untuk menubuh sebuah Tabung Amanah Negara; jika benar:

- (a) dari manakah sumber yang akan diperolehi untuk Tabung yang tersebut;
- (b) siapakah dan bagaimanakah Anggota Lembaga Amanah itu akan dipilih serta berapa lamakah tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Lembaga Amanah itu; dan
- (c) apakah yang dapat dimunafaatkan oleh rakyat dan negara seluruhnya dengan wujudnya Tabung Amanah Negara itu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

- (a) **Matlamat penubuhan Tabung Amanah** ialah untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatan-pendapatan daripada industri yang merosot seperti petroleum untuk digunakan di masa depan.
- (b) Sumber kewangan untuk **Tabung tersebut ini di peringkat** awalnya akan disumbangkan oleh PETRONAS sebanyak \$200 juta bagi tiap-tiap tahun.
- (c) **Tabung ini adalah dalam proses penubuhan.** Corak organisasinya sedang ditentukan dan keanggotaan serta tempoh perkhidmatan Lembaga amanahnya akan ditentukan kemudian. Bidang pelaburannya juga akan ditentukan.
- (d) **Tabung ini akan membolehkan** negara mempunyai unsur kewangan di masa hadapan apabila perusahaan-perusahaan seperti petroleum tidak lagi dapat mendatangkan hasil yang banyak seperti hari ini.

KENAIKAN HARGA MINYAK

26. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kenapakah harga minyak dinaikkan dan sama ada kenaikan harga minyak ini akan menyebabkan kenaikan harga barang-barang keluaran tempatan, bagaimanakah Kerajaan boleh memastikan perkara kenaikan harga ini dapat dielakkan. Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara pengeluar minyak adakah Kerajaan mempunyai rancangan istimewa untuk memberi rakyat menikmati bersama hasil minyak negara dengan menawarkan minyak dengan harga yang di bawah harga pasaran dunia

sepertimana yang dilakukan oleh negara pengeluar minyak di Timur Tengah.

Datuk Oo Gin Sun: Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon memandangkan kedua-dua soalan ini mempunyai pokok perbincangan yang sama.

Harga runcit barang-barang petroleum iaitu petrol premium dan regular, diesel, minyak tanah dan LPG di negara ini, ditetapkan mengikut satu formula Mekanisama Harga Barang-barang Petroleum, yang telah pun dilaksanakan mulai 2 April, 1983. Dibawah formula ini, harga barang-barang petroleum dikaji tiap-tiap bulan dan mulai 1 Jun 1985, dibuat tiap-tiap suku tahun. Pengubahsuaian kepada formula Mekanisama Harga ini ialah untuk mengelakkan daripada perubahan harga yang kerap, yang mungkin mengelirukan orang ramai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah formula Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum ini, elemen-elemen yang diambil kira ialah:

- (i) kos barangan barang-barang petroleum bertapis;
- (ii) kos operasi syarikat-syarikat minyak;
- (iii) duti.

Kos barangan (product posting) disebut harga dalam matawang Dollar US. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semua dagangan barang-barang petroleum sama ada minyak mentah ataupun bertapis di pasaran antarabangsa adalah dibuat dalam matawang Dollar US. Untuk menilai kos barangan dalam matawang Ringgit, kita terpaksa menggunakan kadar pertukaran matawang Dollar US/Ringgit. Walaupun harga minyak mentah dan barang-barang petroleum

bertapis di pasaran antarabangsa adalah lemah tetapi dengan kekukuhan matawang dollar US berbanding dengan Ringgit, ini bererti bahawa kos barangan dalam nilai Ringgit telah menjadi lebih mahal. Begitu juga, jika nilai matawang Dollar US menjadi lebih lemah berbanding dengan Ringgit, ia akan menyebabkan kos barangan menjadi lebih murah dalam matawang Ringgit.

Kenaikan harga runcit barang-barang petroleum yang telah dilaksanakan mulai 1 Jun 1985 adalah semata-mata disebabkan oleh kekukuhan matawang Dollar US yang telah menyebabkan kos barangan meningkat dalam matawang Ringgit. Oleh yang demikian, jelas bahawa kekukuhan nilai Dollar US merupakan satu kos yang sebenar kepada syarikat-syarikat minyak. Kita cuma berharap kekukuhan Dollar US ini adalah buat sementara sahaja. Kerajaan akan mengubahsuai harga runcit barang-barang petroleum jika nilai Dollar US turun dengan kadar yang munasabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, masalah kekukuhan Dollar US ini bukan sahaja dihadapi oleh negara kita tetapi juga oleh lain-lain negara di seluruh dunia.

Pengeksportan minyak mentah negara kita dan penetapan harga runcit barang-barang petroleum di bawah formula Mekanisma Harga merupakan dua perkara yang berasingan. Pengeksportan minyak mentah negara kita yang juga dilakukan dalam Dollar US bererti bahawa hasil eksport kita telah meningkat dalam matawang Ringgit. Jika Kerajaan menetapkan harga runcit barang-barang petroleum rendah daripada harga yang sepatutnya melalui pengurangan kadar duti atau pemberian subsidi, ini akan memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan. Misalnya bagi tiap-tiap 1 sen seliter pengurangan kadar duti atau pemberian subsidi atas petrol

premium akan melibatkan beban kewangan kira-kira 1.88 juta Ringgit sebulan atau \$22.56 juta setahun. Oleh kerana ini kerajaan telah menghapuskan subsidi atas diesel dan minyak tanah sejak 1 Januari 1984. Memandangkan implikasi kewangan ini, maka Kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan harga runcit barang-barang petroleum rendah daripada paras harga yang sepatutnya. Begitu juga Kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan harga runcit barang-barang petroleum pada paras yang lebih tinggi dari harga yang sepatutnya.

Saya tidak menafikan bahawa kenaikan harga barang-barang petroleum mungkin mempunyai sedikit sebanyak kesan ke atas kos barang-barang keluaran tempatan lain. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan di sini bahawa kenaikan harga barang-barang petroleum bukan merupakan faktor tunggal yang akan menyebabkan kos pengeluaran lain-lain barang keluaran tempatan turut naik. Terdapat lain-lain faktor kos pengeluaran yang juga memberi kesan atas kos barang-barang keluaran tempatan seperti kuasa-kuasa penawaran dan permintaan, kos lain bahan-bahan mentah dan sebagainya.

HOSPITAL SIBU— PEMBINAAN

27. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar pembinaan hospital SibU akan menjadi pembangunan utama dalam Rancangan Malaysia Kelima dan jika ya, bilakah pembinaan itu akan dimulakan; berapakah belanja dianggarkan dan jika tidak, apa sebabnya.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Hospital SibU adalah satu projek yang telah diluluskan di dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Keempat. Tapak tanah telah dibeli tetapi **malangnya di dalam Rancangan**

Malaysia Keempat ini peruntukan yang diperlukan tidak dapat disediakan dan projek ini terpaksa ditangguhkan.

Kementerian Kesihatan telah memasukkan semula projek ini di dalam cadangan Kementerian bagi Rancangan Pembangunan Malaysia Kelima dengan harapan perancangan dan pelaksanaan bagi hospital ini dapat dimulakan di dalam masa 5 tahun itu. Bagi membangunkan hospital ini anggaran perbelanjaan yang diperlukan adalah:

	\$
(a) Tanah	1,207,840
(b) Pembinaan ..	90,000,000
(c) Perabut dan Ke- lengkapan	15,000,000
	106,207,840

PEMEGANG BIASISWA DITEMPATKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

28. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya begitu ramai lepasan universiti yang memegang biasiswa Kerajaan masih belum ditempatkan di sekolah-sekolah Kerajaan mengikut syarat-syarat Perjanjian;
- (b) bilangan biasiswa yang terlibat seperti disebut di (a);
- (c) apakah Kementerian Pelajaran sedar pihak agensi yang memberi biasiswa telah memaksa penerima-penerima biasiswa mereka memulakan pembayaran balik sedangkan lepasan-lepasan yang berkenaan masih menganggur, dan apakah Kementerian beliau akan membantu dalam menundakan tarikh permulaan pembayaran balik dan;

- (d) berapakah bilangan pemegang biasiswa yang dilepaskan daripada ikatan berkhidmat dalam Kerajaan.

Datuk Dr Ling Liong Sik:

- (a) dan (b) Tiada lepasan universiti yang memegang biasiswa Kerajaan di dalam kursus perguruan yang masih belum ditempatkan.
- (c) Pihak agensi-agensi yang memberi biasiswa tidak akan mengambil tindakan untuk memaksa penerima-penerima biasiswa mereka memulakan pembayaran balik.
Pembayaran balik hanya akan dikenakan apabila mereka memungkiri janji seperti enggan berkhidmat dengan pihak agensi-agensi berkenaan atau meninggalkan perkhidmatan semasa masih lagi di dalam kontrak.
- (d) Bilangan pemegang-pemegang biasiswa Kementerian Pelajaran yang dilepaskan daripada ikatan berkhidmat dalam Kerajaan sejak tahun 1981 ialah seramai lebih kurang 264 orang.

PENDATANG HARAM DIBUANG NEGERI

29. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri mengesahkan bahawa adakah dasar Kerajaan untuk membuang negeri pendatang-pendatang haram di mana tempat mereka dijumpai dan jika ya, bolehkah pihak Kementerian memberitahu:

- (a) berapakah ramai pendatang haram yang telah dibuang negeri sejak 1980 dengan memberi pecahan keturunan pendatang haram ini setiap tahun;

(b) kenapa tidak Jabatan Pendaftaran bekerjasama dengan organisasi-organisasi penguatkuasa yang lain dalam usaha-usaha Kerajaan mengawal dan menghapuskan masalah pendatang haram ini dengan mengawas bilangan anak Imigeren haram dilahirkan di dalam negara ini; dan

(c) apakah bahana atau akibat buruk yang mungkin timbul dengan pendirian Jabatan Pendaftaran bahawa ia tidak membezakan antara anak-anak dilahirkan kepada warganegara Malaysia dan pendatang haram dan sama ada Sijil Beranak telah dikeluarkan kepada anak-anak imigeren haram tanpa sebarang cara membezakan mereka daripada warganegara dan

andainya dengan sijil beranak ini, pihak Jabatan Pendaftaran telah lambat laun mengeluarkan kepada mereka kewarganegaraan tanpa menerusi cara-cara prosedur permohonan kewarganegaraan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri telah dan akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pendatang haram dengan cara menangkap, mendakwa dan mengusir ke negara asal mereka, jika dikesan.

(a) Semenjak tahun 1980 sehingga Jun tahun 1985 seramai 43,569 pendatang haram telah diusir keluar dari negara ini. Pecahan pendatang haram ini mengikut negara asal mereka adalah seperti berikut:

Warganegara	Tahun					
	1980	1981	1982	1983	1984	1985
Amerika				1		1
Sri Lanka				5		5
Bangladesh				129	99	133
Burma				449	985	688
British				1		1
Filipina	10	17	12		1	3
Indonesia	1152	6012	2386	4573	6647	7204
India	15	34	39	40	60	56
Jepun						—
Kambodia				50	11	50
Nepal					4	2
Pakistan				54	50	62
Singapura	16	58	31	28	47	28
Taiwan				1	4	1
Thailand	232	134	1021	3002	2967	4441
Vietnam				4	3	4
Lain-lain	31	98	148	98	23	100
JUMLAH	1456	6353	3637	8435	10,896	12,792

- (b) Perkara yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat** itu sedang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri.
- (c) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1958 menetapkan bahawa setiap kelahiran dan kematian yang berlaku di negara ini hendaklah didaftarkan tanpa mengira taraf kewarganegaraan ibubapa berkenaan. Ini hanya merupakan pendaftaran ke atas kelahiran atau kematian yang berlaku dan tidak melibatkan pendaftaran taraf kewarganegaraan.

Oleh kerana penentuan taraf kewarganegaraan Malaysia seorang itu telah ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia, maka pendaftaran kelahiran yang dimaksudkan ini tidak ada kaitan dengan taraf kewarganegaraan Malaysia.

RUMAH KOS RENDAH BAGI PENDAPATAN RENDAH

30. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah bagi memiliki rumah kos rendah, dengan mengurangkan serta memperseragamkan kadar faedah pinjaman bagi kedua-dua sektor Awam dan Swasta.

Dato Sabbaruddin Chik: Kementerian Kewangan telah pun melaksanakan rancangan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah di dalam sektor pinjaman perumahan mereka serta membolehkan mereka membeli rumah pangsa yang kosnya rendah. Kadar faedah yang dikenakan ialah 4%

setahun. Kadar faedah ini adalah khas bagi Sekim Pinjaman Perumahan Kakitangan Perumahan.

Kadar faedah pinjaman perumahan bagi kedua-dua sektor Awam dan sektor Swasta tidak dapat diperseragamkan kerana kadar faedah yang dikenakan oleh sektor Swasta bergantung kepada beberapa faktor semasa mereka hendak menetapkan kadar faedah tersebut. Semua pihak akan menyambut baik jika semua majikan sektor swasta boleh mengadakan Sekim Pinjaman Perumahan untuk kakitangan mereka dengan kadar faedah yang rendah.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBELIAN

31. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa permintaan bagi perumahan yang bernilai kurang dari \$100,000 sudah merosot disebabkan kekurangan kewangan (end financing). Adakah benar bahawa kebanyakan bank sudah memenuhi kuotanya bagi meminjam kepada sektor perumahan kos rendah atau sederhana dan enggan menawarkan lebih banyak pinjaman kepada sektor ini memandangkan kadar bunga yang dikenakan kepada pinjaman-pinjaman ini tidak boleh melebihi 10%. Apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang mengambil untuk menggalakkan lebih banyak bekalan kewangan bagi tujuan tersebut.

Dato Sabbaruddin Chik: Untuk tahun 1985, bank-bank perdagangan secara keseluruhannya dikehendaki oleh Bank Negara membuat pengakuan untuk membiayai pembelian 20,000 unit-unit rumah yang berharga \$100,000 dan ke bawah. Bank-bank individu telah pun diperuntukkan bahagian mereka dari jumlah 20,000 buah unit rumah-rumah baru sebagaimana dikehendaki. Tarikh

akhir bagi memenuhi garis panduan pinjaman ini ialah pada 31hb Disember, 1985.

Dalam masa 5 bulan pertama tahun ini, bank-bank perdagangan secara keseluruhannya telah membuat pengakuan untuk membiayai pembelian 10,666 unit rumah-rumah baru yang merupakan 53.3 peratus daripada sasaran pinjaman. Oleh yang demikian, kemudahan pembiayaan akhir daripada bank-bank bagi pembelian rumah-rumah baru yang bernilai \$100,000 dan ke bawah adalah mencukupi.

Oleh kerana bank-bank belum lagi mencapai sasaran 20,000 unit, iaitu sasaran pada penghujung tahun 1985, maka tidak ada sebarang masalah untuk memperolehi pembiayaan akhir untuk rumah-rumah tersebut. Denda akan dikenakan kepada bank-bank yang gagal memenuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara.

Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai kes-kes tertentu di mana peminjam telah menghadapi kesukaran untuk memohon pinjaman, kes-kes tersebut bolehlah dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk disiasat.

TERUMBU LAYANG-LAYANG

32. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pertahanan menyatakan bagaimana keadaan Terumbu Layang-layang yang pada satu masa dulu telah diduduki oleh tentera-tentera Vietnam dan dituntut oleh Vietnam sebagai wilayahnya adakah tentera kita berkawal di Terumbu tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Terumbu Layang-layang tidak pernah diduduki oleh mana-mana tentera asing walaupun ianya telah dituntut oleh beberapa buah negara. Oleh

kerana Terumbu Layang-layang adalah sebahagian dari wilayah kita keselamatan di Terumbu tersebut adalah terjamin.

TANAH MILIKAN KERAJAAN DI JUAL

33. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sebab-sebab mengapa Kementerian nya menjual tanah yang dimiliki Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada sektor swasta, jumlah ekar tanah yang sudah pun dijual setakat ini dan harga jualannya, dan jumlah ekar tanah yang telah dikenalpasti untuk dijual dalam masa akan datang dan anggaran harga penjualannya.

Menteri Wilayah Persekutuan Dato Shahrir bin Abdul Samad): Jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat dari Sungai Besi adalah sama dengan jawapan saya bila menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Setapak di Persidangan Dewan ini pada 16hb Julai, 1985. Oleh yang demikian saya tiada maklumat lain yang hendak ditambah.

PEKERJA YANG DIBUANG KERJA

34. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja-pekerja yang dibuang kerja setiap tahun sejak 1982 dengan memberikan pecahan-pecahan mengikut sektor mengenai pembuangan kerja dari setiap industri dan apakah tindakan yang diambil untuk memberikan pekerja-pekerja yang dibuang kerja itu pekerjaan alternatif.

Menteri Buruh (Dato Mak Hon Kam): Jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu telah pun diberi semasa menjawab soalan yang hampir-hampir sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur pada 17hb yang lalu dan tiada apa-apa yang ingin saya tambah lagi.

LIMBONGAN KAPAL SELAM DI LABUAN

35. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertahanan memberi butir-butir lanjut mengenai rancangan asal untuk membina sebuah Limbongan pembinaan kapal selam di Labuan dan menyatakan sama ada satu pengkajian kemungkinan telah dijelaskan sebelum itu dan sama ada kabinet Persekutuan bersetuju dengan cadangan projek tersebut.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha: Saya telah pun menjawab soalan ini ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 15-7-1985. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

GURU-GURU GIAT DALAM POLITIK

36. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa diskriminasi diamalkan terhadap penglibatan politik di kalangan guru sekolah kategori C dan D. Apakah bilangan guru sekolah kategori C yang menjadi ahli parti politik. Apakah darjat penglibatan guru-guru tersebut dan parti yang manakah mereka terlibat. Bagi guru kategori D, apakah bilangan mereka yang menjadi ahli parti politik dan parti yang manakah mereka terlibat. Apakah nisbah guru kategori C dan D yang terlibat berbanding dengan jumlah besar bilangan guru bagi kategori C yang mengajar di sekolah-sekolah menengah yang terlibat di dalam politik dengan aktifnya.

Dato Dr Ling Liong Sik: Adalah tidak benar bahawa diskriminasi di amalkan terhadap penglibatan politik di kalangan guru-guru sekolah kategori 'C' dan 'D'. Guru-guru kategori 'D' adalah merupakan pegawai-pegawai dalam Kumpulan 'A' di mana syarat

kemasukannya adalah ijazah Universiti, manakala guru-guru kategori 'C' adalah di dalam kumpulan 'B' dan 'C' di mana kemasukannya tidak memerlukan ijazah daripada universiti.

Darjat penglibatan politik di kalangan guru-guru tersebut adalah tertakluk kepada Peraturan 19, Perintah Am Bab 'D' 1980, sebagaimana yang dikenakan terhadap pegawai-pegawai dalam kumpulan 'A' dan 'B' yang bertugas di pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang lain. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sedia maklum tentang perbekalan ini. Berhubung dengan maklumat-maklumat detail berkaitan dengan penglibatan mereka, saya dukacita memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian tidak mengumpul maklumat-maklumat seperti itu.

WANG PUSINGAN \$25 JUTA KEPADA KOPERASI

37. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sama ada wang pusingan 25 juta ringgit yang diberikan oleh Kerajaan kepada pihak Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia mencukupi untuk aktiviti-aktiviti koperasi, jika tidak apakah langkah-langkah yang setakat ini diambil oleh pihak Kementerian bagi memperoleh tambahan peruntukan dari Kerajaan Pusat.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Jumlah peruntukan yang telah digunakan sehingga 30-6-85 ialah \$22,727,000.00. Jika dibandingkan dengan bilangan koperasi yang memerlukan pinjaman, peruntukan yang diberi memanglah tidak mencukupi. Jabatan Pembangunan Koperasi telah memohon peruntukan sebanyak 165 juta ringgit bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

PENUNTUT BARU DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN

38. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pengambilan penuntut-penuntut baru oleh universiti-universiti tempatan dalam tahun ini dan pecahan bilangan mengikut bangsa dan kaum etnik; dan
- (b) bilangan pengambilan penuntut-penuntut bagi kursus-kursus perubatan, pergigian, kejuruteraan dan undang-undang secara berasingan dan juga pecahan bilangan mengikut bangsa dan kaum etnik.

Dato Dr Ling Liong Sik: Urusan pengambilan pelajar-pelajar di enam buah Universiti tempatan bagi Sessi 1985/86 masih belum lagi selesai sepenuhnya memandangkan pihak Universiti masih lagi mengisi tempat-tempat yang dikosongkan oleh sebilangan pelajar-pelajar yang menolak tawaran dan menarik diri. Oleh yang demikian angka-angka pengambilan pelajar-pelajar bagi sesi 1985/86 tidak dapat diberikan sekarang.

PERLEMBAGAAN NEGERI SABAH—MEMINDA

39. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan menasihatkan Kerajaan Negeri Sabah supaya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminda Perlembagaan Negeri berhubung dengan (i) perlantikan enam orang Ahli Dewan oleh Kerajaan Negeri dan (ii) perlantikan Yang di-Pertua Dewan Negeri Sabah oleh Tuan Yang Terutama Gabenor Negeri Sabah; jika tidak, mengapa.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Pindaan kepada Perlembagaan sesuatu negeri adalah di bawah bidang kuasa negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, dalam kes Perlembagaan Negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan hanya boleh menasihatkan Kerajaan Negeri Sabah supaya memansuhkan peruntukan-peruntukan berhubung dengan perlantikan tidak lebih daripada 6 orang Ahli Dewan Undangan Negeri oleh Yang di-Pertua Negeri di dalam Perlembagaan negeri itu. Ini adalah kerana perlantikan sedemikian bercanggah dengan prinsip pemerintahan oleh rakyat melalui wakil-wakil yang dipilih. Berdasarkan kepada prinsip yang sama, perlantikan Yang di-Pertua Dewan Negeri Sabah juga sepatutnya berasaskan kepada pemilihan sepertimana yang diamalkan di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri lain.

BANTUAN MODAL KE SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

40. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Pelajaran menjelaskan berapakah peruntukan bantuan modal telah dan akan diperuntukkan kepada sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan pada tahun 1985.

Dato Dr Ling Liong Sik: Jumlah Bantuan Modal yang telah diluluskan kepada sekolah-sekolah Bantuan Modal bagi tahun 1985 ialah sebanyak \$2,000,000.00.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan

Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JALAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18hb Julai, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus menyambungkan ucapan. Sila Yang Berhormat.

4.08 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya tentang justifikasi sebab-sebab mengapa jalan-jalan Negeri perlu dan hendak diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Dan di samping itu saya sendiri juga menyebut tentang perlu jalan-jalan Negeri yang menghubungkan lebuhraya-lebuhraya Persekutuan dan yang menjadi punca bottle neck diambil alih oleh Kerajaan Pusat supaya rangkaian-rangkaian jalan utama di Negeri-negeri menjadi lebih efficient, lebih selesa dan lebih bermutu lagi melalui up grading dan lain-lain.

Pada menyambung dan menutup ucapan saya pada hari ini, sukalah saya menambah lagi kepada cadangan tersebut iaitu supaya apalah salahnya semua sekali jalan-jalan Negeri diambil alih oleh Kerajaan Pusat iaitu

supaya tanggungjawab pembinaan penyeliaan dan penyelenggaraan jalan-jalanraya di seluruh negara diambil alih sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat kecuali yang akan tinggal menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri ialah urusan-urusan bagi jalan anak dan jalan mukim sahaja yang bolehlah terus menjadi tanggungjawab mereka itu. Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tidaklah lagi terdapat apa yang dikatakan pada masa ini dipanggil, dikategorikan sebagai jalan Pusat dan jalan Negeri di negara kita ini.

Saya mengesyorkan ini memandangkan taraf mutu dan keadaan kebanyakan jalan-jalan Negeri-negeri adalah sangat tidak memuaskan terutama di negeri mundur dan negeri-negeri miskin yang kurang kewangannya yang menghadapi masalah kewangan, yang menghadapi masalah mengeluarkan belanja dan melaksanakan kerja-kerja untuk menyelenggara jalan-jalan di dalam negeri tersebut.

Lagi pula, Tuan Yang di-Pertua, jika semua jalan-jalan Negeri diambilalih oleh Kerajaan Pusat, pada pandangan saya ia tidaklah sepatutnya menimbulkan apa-apa masalah disebabkan tanggungjawab pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan Negeri ini sememangnya sudahpun sedia dibuat oleh Jabatan yang sama yang bertanggungjawab terhadap jalan-jalan Persekutuan iaitu Jabatan Kerjaraya Negeri dan kerana itu jalan-jalanraya dapatlah dikawal, saya harap dengan cara ini oleh satu pihak berkuasa iaitu Pihak Berkuasa Kerajaan Pusat dan bukan oleh dua pihak berkuasa iaitu pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Kerajaan Pusat.

Hendaknya, Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan Akta ini kelak janganlah hanya jalan-jalan terpilih yang ada kepentingan dan boleh memberi faedah kepada Kerajaan Pusat sahaja

seperti bagi tujuan untuk mengutip tol dan lain-lain yang akan diambilalih oleh Kerajaan Pusat. Jika jalan-jalan ini akan diambil secara 'selective' dan jika semuanya itu dapat diambilalih, boleh dibuat secara menyeluruh, saya berpendapat juga banyak masalah-masalah seperti masalah pentadbiran dan lain-lain dapat diatasi bagi membolehkan kita merencana, menyelia, mengawal dan menyelenggara semua jalan-jalan di negara ini dengan lebih cekap, lebih licin dan lebih berkesan lagi. Saya yakin cadangan ini akan dapat diterima baik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, pengambilan alih secara 'selective' sahaja pada pandangan saya harus tidak akan dapat sambutan yang baik daripada Kerajaan Negeri, lebih-lebih lagi sekiranya mereka mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu yang tidak mahu dilepaskan oleh mereka. Saya berharap sangatlah supaya perkara ini dapat difikirkan dan dapat difikirkan dengan segera dan diputuskan oleh pihak Kerajaan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas minta jangan panjangkan dengan kerana hendaklah diketahui bahawa perubahan dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini kena diperuntukkan mengikut Peraturan Mesyuarat satu hari sahaja.

4.13 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih, ada satu dua points sahaja. Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan merakamkan terima kasih atas keizinan Tuan Yang di-Pertua

untuk saya mengambil bahagian berkenaan dengan Rang Undang-undang Jalan Persekutuan, 1959 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari semalam saya kira adalah suatu langkah yang membina bagi mengemaskinikan lagi Ordinan Jalan Persekutuan, 1959 yang ada sekarang ini. Dengan pindaan ini akan membolehkan mana-mana Menteri yang bertanggungjawab terhadap Ordinan ini akan dapat mengisytiharkan mana-mana jalan, feri ataupun jambatan Negeri kepada Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah Kerajaan apabila hendak mengisytiharkan atau telah mengisytiharkan mana-mana jalan Negeri kepada Persekutuan, saya berharaplah sekiranya ada cadangan-cadangan untuk mengubah aliran-aliran jalan yang sedia ada itu kepada satu aliran yang baru, maka kepentingan sosio-ekonomi masyarakat tempatan hendaklah juga diambil kira. Dan satu lagi, saya rasa pihak Kementerian ini haruslah menyedari hakikat bahawa dari amalan-amalan yang wujud sekarang ini saya rasa bukan sahaja sebagai Wakil Rakyat, tetapi sebahagian besar orang ramai amatlah tidak begitu gembira kerana sikap berdolak-dalik yang dilakukan oleh kakitangan setengah-setengah Jabatan Kerjaraya sama ada di peringkat Negeri atau Daerah.

Saya mengambil contoh, misalnya, aliran jalan daripada Kuala Kangsar ke Gerik yang sudahpun diisytiharkan, kalau tidak salah saya pada akhir tahun 70an dan kini dalam proses pembinaan. Saya sendiri sebagai Wakil Rakyat di kawasan luar bandar sudah tentulah sentiasa dihujani dengan berbagai-bagai pertanyaan daripada rakyat yang saya wakili dan juga rakyat yang ada di sepanjang jalan yang ada itu. Maka

dengan sebab itu saya membangkitkan perkara ini di dalam satu mesyuarat kalau tidak salah saya di Majlis Tindakan Daerah, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hadir bersama-sama, dan telah berjanji bahawa pihak Kerajaan akan memanggil Wakil-wakil Rakyat yang terlibat dengan projek aliran jalan ini, akan dimaklumkan bagaimanakah bentuk aliran jalan ini. Tetapi sayang, sehingga kini di waktu saya bercakap ini, saya tidak pernah dimaklumkan oleh pihak Kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri sendiri dan apabila perkara ini telah berlaku pertelingkahan di dalam Majlis Tindakan Daerah di Hulu Perak dan di Kuala Kangsar, pihak jurutera di peringkat Daerah ini berdolak-dalik mengatakan yang menetapkan ini bukanlah di peringkat Daerah, hanyalah dari Kuala Lumpur. Jadi saya merasa hairan dengan sistem perkhidmatan Jabatan Kerjaraya ini. Orang-orang yang duduk di Kuala Lumpur ini lebih pandai lagi, lebih bijak daripada orang-orang yang ada di peringkat Daerah. Saya tanya benarkah begitu? Lama kelamaan akhirnya mereka menjawab, cadangan-cadangan itu datangnya daripada Daerah. Ini berdolak-dalik. Dia hendak melepaskan diri dengan mengatakan pegawai di Kuala Lumpur, memang tidak ada lojik, sebab orang-orang di Kuala Lumpur ini manusia serupa saya juga, tidak lebih daripada itu, boleh melihat apa yang ternampak, boleh dengar apa yang berbunyi, takkan dia duduk di Kuala Lumpur dia nampak apa yang berlaku di sana.

Jadi saya berharaplah bagi masa-masa yang akan datang apalah salahnya pihak Jabatan ini akan dapat meninjau pandangan atau memaklumkan kepada pihak pentadbiran Daerah ataupun Negeri dan juga Wakil-wakil Rakyat yang berkenaan. Saya rasa tidaklah akan menjatuhkan martabat Jabatan ini

dengan meminta pandangan-pandangan daripada pihak pemimpin-pemimpin tempatan. Saya tidak tahu mengapa kedegilan pihak Kementerian ini bagi mendapatkan pandangan dan kerjasama daripada Wakil-wakil Rakyat dan juga pihak pentadbiran Daerah. Umpamanya, Tuan D.O. sebagai ketua di dalam satu daerah, ianya patutlah mengetahui sedikit sebanyak apa yang akan berlaku di dalam daerah, tetapi bila saya telefon D.O. dan bertanya perkara itu dia pun tidak tahu, tanyalah engineer; tanya engineer dia kata ini Kuala Lumpur, dia pun tidak tahu. Saya kata macam mana ini JKR, saya pun pening kepala. Saya berkata saya akan bangkitkan perkara itu di Parlimen supaya Menteri boleh menjawab, kebetulan Menteri ada di hadapan saya.

Jadi saya haraplah bagi masa-masa yang akan datang sekali lagi saya tegaskan supaya kami sama-sama dibawa berunding dan kami berjanji tidak akan menentang secara semborono atau membabi buta, sebaliknya kami akan membantu setakat yang boleh kepada Jabatan ini kerana kita adalah sentiasa bercita-cita untuk memperbaiki perhubungan, memperbaiki kerjasama di antara ahli-ahli politik sebagai penggubal dasar dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang melaksanakan dasar Kerajaan. Dengan adanya hubungan baik antara dua golongan ini, saya rasa kita akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi perkhidmatan kita kepada negara dan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas saranan yang dibuat oleh sahabat saya dari Ulu Nerus supaya pihak Kerajaan Pusat akan dapat membuat kajian dari masa ke semasa untuk mengambil alih semua jalan-jalan yang ada rangkaiannya dengan lebuhraya-lebuhraya dan sebagainya dalam negeri yang ada sekarang ini. Memandangkan masalah tugas dan tanggungan Kerajaan Negeri

pada masa ini lebih-lebih lagi di zaman keadaan meleset ini amatlah berat. Berat ini disebabkan, kalau dibandingkan pada masa-masa yang lampau dengan masa kini memanglah jauh seperti langit dengan bumi.

Saya katakan berat itu kerana pada masa ini sudah banyak jalan-jalan kampung atau jalan mukim yang telah dibina di bawah rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jalan-jalan ini memerlukan penyelenggaraan dari masa ke semasa oleh sebab standard atau darjah jalan ini atau mutu jalan ini tidaklah begitu baik, umpamanya, ada jalan-jalan masuk kampung untuk motosikal sahaja atau kenderaan ringan tetapi kadangkala ada juga lori-lori yang masuk menghantar barang-barang perabot rumah ataupun membawa alat-alat membuat rumah dan sebagainya. Dengan sebab itu, jalan ini seringkali rosak. Sekiranya Kerajaan Negeri ini diringankan bebanannya untuk belanja membina dan menyelenggara jalan-jalan Negeri yang ada ini, mungkinlah peruntukan-peruntukan itu boleh ditumpukan kepada pembangunan jalan-jalan kampung dan juga penyelenggaraan jalan-jalan kampung, titi-titi dan jambatan, kerana memanglah menjadi hasrat Dasar Ekonomi Baru bahawa rakyat-rakyat di kampung ini perlulah dipertingkatkan mutu hidupnya.

Salah satu daripada kaedah atau pendekatan untuk mempertingkatkan mutu hidup rakyat ini ialah dengan memberikan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, jambatan dan sebagainya. Oleh kerana peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang juga begitu terhad, maka tidaklah dapat untuk menampung segala keperluan-keperluan yang ada di luar bandar dalam kontek usaha kita mempertingkatkan mutu hidup penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Sekiranya jalan-jalan negeri yang ada ini dapat diletakkan di bawah

tanggungjawab Kerajaan Pusat, khususnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bolehlah kita mendesak Kerajaan-kerajaan Negeri sepertimana saya katakan tadi melipatgandakan lagi usaha seiring jalan membantu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mempertingkatkan mutu jalan-jalan kampung yang ada sekarang ini, kerana kalau kita hendak sekat lori-lori ini masuk, rakyat selalu mencabar kita. "Kerajaan suruh kami bercucuk tanam, tanam ubi dan sebagainya". Jadi bila lori ini masuk hendak ambil ubi, masuk hendak ambil kayu dan sebagainya tidak dibenarkan. "Macam mana kami hendak tanam ubi?". Betul juga. Terpaksalah lori-lori masuk. Bila lori masuk, jalan ini untuk motosikal sahaja, sudah rosak, tahun depan hendaklah lagi peruntukan. Inilah yang menjadi satu delima, khususnya kepada kami Wakil Rakyat di kawasan-kawasan luar bandar. Lori tidak masuk salah, hendak masuk pun salah. Sepatutnya kita mesti benar, lori-lori apa juga yang masuk bertujuan membantu mempertingkatkan ekonomi penduduk-penduduk luar bandar, bukanlah untuk merosakkan kehidupan rakyat tetapi membantu rakyat dalam mempertingkatkan mutu hidup mereka. Tetapi kita tidak boleh hendak melepaskan kerana standard jalan ini rendah.

Tuan Yang di-Pertua, point yang kedua, saya hendak sentuh berkenaan tol-tol ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sudah banyak orang menyentuh itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tidak payah? Tetapi sedikit sahaja. Di dalam merancang tol-tol ini kalau boleh, saya bukan tidak menyokong, memang saya sokong, kerana ini merupakan satu sumber pendapatan kerana kalau rakyat memerlukan perkhidmatan yang baik, mereka perlu

berkorban. Mana boleh hendakkan kebaikan tetapi tidak berani berkorban. Saya sokong penuh fasal tol-tol ini hanya dari segi perlaksanaannya itu patutlah difikirkan. Kalau boleh janganlah banyak ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang terlibat dengan orang-orang kampung, orang-orang miskin, kerana dari segi kadar kemiskinan penduduk-penduduk, mengikut kajian separuh penggal kedua, kita nampak perbezaan kemiskinan orang kampung dengan orang bandar ini begitu jauh. Orang bandar walaupun dia miskin lebih kurang 10.2%, sedangkan orang kampung 33.3% hampir tiga kali ganda. Kalau dia dibebankan lagi dengan bayaran tol dan sebagainya lagi memberatkan dia. Kalau hendak buat, kita tumpukan dahulu dalam kawasan bandar. Dalam bandar-bandar ini bukanlah semua orangnya kaya, tetapi boleh dan mampu membayar, di samping itu mereka dapat bersama-sama berkorban membantu Kerajaan, khususnya Kementerian ini untuk memberikan perkhidmatan jalan yang baik.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Akta meminda Ordinan Jalan raya 1959.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.27 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang jumlahnya begitu ramai yang telah menunjukkan minat mereka terhadap tanggungjawab Kementerian saya dengan mengemukakan banyak teguran dan pandangan semasa membahaskan Rang Undang-undang Jalanraya Persekutuan (Pindaan) 1985 yang mana telah saya kemukakan di

Dewan yang mulia ini dua hari yang lalu. Saya mengambil perhatian serius ke atas semua yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Oleh kerana ramainya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat ucapan, saya dengan sedaya upayanya di sini untuk menjawab dan menjelaskan ke atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan itu setakat mana yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah meminta penjelasan sama ada Rang Undang-undang itu adalah untuk memudahkan jalan-jalan raya Negeri diwartakan sebagai jalan-jalan raya Persekutuan ataupun untuk membolehkan pengenaan membayar tol pada mana-mana jalan Persekutuan. Beliau juga telah menyatakan rasa tidak puas hati ke atas cadangan Kementerian untuk mengadakan rumah-rumah tol Sungai Ramal, Jalan Kajang dan Nilai yang mana sekarang dalam pembinaan di samping rumah tol yang terdapat sekarang di Sungai Besi dan juga di Seremban.

Mengikut pendapat beliau penubuhan dua rumah tol yang baru ini akan membebaskan lagi pengguna-pengguna jalanraya, terutama penduduk-penduduk di kawasan pilihanraya beliau, yang mana apabila rumah-rumah tol baru itu siap akan membayar tol \$2 untuk pergi balik ke Kuala Lumpur iaitu sejauh lebih kurang 3 batu sahaja. Beliau juga berpendapat bahawa adalah tidak adil lagi Kerajaan mengenakan dua cara pembayaran ke atas pengguna-pengguna jalanraya iaitu cukai jalan dan juga tol. Ini adalah berbeza dari apa yang terdapat di negara-negara barat seperti Amerika di mana hanya satu cara pembayaran sahaja dikenakan. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan supaya Kerajaan mempertimbangkan cadangan beliau itu ataupun jika kedua-dua bayaran diperlukan had-had kadar pembayarannya perlulah

diturunkan untuk tidak membebankan pengguna-pengguna jalanraya di negara ini.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat ke atas tujuan Rang Undang-undang ini, sukaiah saya menjelaskan bahawa adalah tidak tepat dinyatakan bahawa Rang Undang-undang itu dicadangkan untuk memudahkan Kerajaan mengenakan tol-tol dijalanraya.

Seperti yang telah saya nyatakan di dalam ucapan saya, tujuan utama Rang Undang-undang tersebut ialah untuk melicinkan dan mengemaskinikan prosedur yang ada dengan meletakkan tanggungjawab pengisytiharan jalanraya ini ke atas satu Kementerian sahaja berbanding dengan prosedur yang ada sekarang yang mana dua Kementerian telah terlibat.

Sukaiah juga saya menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tujuan mengisytiharkan mana-mana jalanraya sebagai jalan Persekutuan untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan meningkatkan mutu dan penyelenggaraan jalan-jalanraya utama untuk kepentingan dan kemudahan rakyat di negara ini yang mana perbelanjaan adalah dibiayai dari peruntukan dari Kerajaan Persekutuan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat tentang penubuhan dua plaza tol di Sungai Ramal, Kajang dan Nilai, sukaiah saya jelaskan di sini bahawa plaza-plaza itu memang sedang dilaksanakan dan hanya akan siap dan beroperasi pada tahun hadapan. Sesudah sahaja kedua-dua plaza tol itu ditubuhkan, Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban dan Air Keruh akan ditukarkan daripada sistem tol terbuka yang ada sekarang kepada sistem tol tertutup. Di bawah sistem tol tertutup ini, pengguna-pengguna lebuhraya akan hanya membayar tol mengikut hitungan

kilometer yang dijalani, misalnya dari Sungai Ramal, Kajang ke Kuala Lumpur yang mana jauhnya ialah 22 kilometer dan dari Nilai ke Kuala Lumpur sejauh 45 kilometer. Oleh kerana kadar tol sekilometer di bawah sistem tol tertutup ini belum lagi diputuskan oleh Kerajaan buat masa ini, maka tidaklah dapat saya menyatakan berapa jumlah tol yang akan dibayar oleh pengguna-pengguna dari Sungai Ramal, Kajang atau Nilai ke Kuala Lumpur.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat ke atas ketidakadilan dua sistem pembayaran pengguna jalanraya di negara ini, iaitu cukai jalan dan tol dan juga cadangan Ahli Yang Berhormat untuk membaiki lagi cara pembayaran itu. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih oleh kerana cadangan ini juga melibatkan Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan. Saya akan kemukakan cadangan ini kepada mereka mengenainya. Walau bagaimanapun, sukaiah saya menjelaskan sedikit di sini mengenai penubuhan Lembaga Lebuhraya Malaysia di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 yang mana telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Di antara tugas-tugas Lembaga ini ialah untuk mereka bentuk, membina, menyelenggara dan juga mengutip tol. Hampir semua pembinaan yang dilakukan oleh Kementerian ini telah dibiayai oleh peminjam-peminjam yang mana pembayaran balik pinjaman-pinjaman itu adalah dilakukan secara kutipan tol. Sehingga ini Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah meminjam sebanyak \$375.8 juta dari Kerajaan Pusat dengan kadar faedah iaitu 7.5% setahun dan pinjaman dari commercial sebanyak \$1,132,000,000 atau \$1,132 juta dengan kadar faedah iaitu 10% hingga 12% setahun. Jumlah bayaran faedah untuk tahun 1985 bagi pinjaman jangka panjang ialah \$97.3

juta dan untuk jangka pendek bayaran balik pinjaman dengan kadar faedah pula ialah \$204.8 juta. Untuk melaksanakan semua projek-projek Lembaga Lebuhraya Malaysia pula adalah dijangka akan menelan belanja lebih kurang 5 billion atau 5,000 juta pada hari ini dan apabila siap belanjanya lebih daripada \$7 billion atau \$7,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mas Gading, Julau dan juga Bukit Mas telah membawa beberapa masalah mengenai jalan-jalanraya di Sarawak. Dan antara masalah-masalah yang dibangkitkan ialah memandangkan jalan-jalanraya di Sarawak adalah tidak begitu baik seperti yang terdapat di Semenanjung, maka telah meminta Kerajaan menyediakan peruntukan yang lebih banyak kepada negeri Sarawak untuk membina, membaiki dan menaikkan taraf jalan-jalan di sana.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah meminta supaya tambahan peruntukan supaya membolehkan Kerajaan Negeri Sarawak membeli lebih banyak jentera permit untuk mengendalikan jalan-jalanraya di sana. Apa yang terdapat sekarang ialah oleh kerana kekurangan jentera-jentera tersebut, lebih ramai buruh-buruh kerja pembinaan telah diambil bekerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan Pusat telah sedar mengenai keadaan dan perlu jalan-jalanraya di Sarawak dibaiki, dibina dan dinaikkan tarafnya supaya setanding dengan jalan-jalan raya yang terdapat di Semenanjung.

Saya telah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri dengan disokong oleh Kementerian saya telah pun memohon peruntukan yang terbesar di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk tujuan yang disebutkan tadi.

Permohonan itu sedang dikaji sekarang oleh agensi-agensi pusat dan akan dibawa ke Dewan Rakyat yang mulia ini untuk diperbahas dan dipertimbangkan dalam sedikit masa lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian saya sedang mengambil tindakan sekarang untuk memperluaskan Ordinan Jalan Raya Persekutuan 1959 yang dibahaskan sekarang ke negeri Sabah dan Sarawak. Apabila Ordinan itu telah diperluaskan, beberapa jalan Raya Persekutuan 1959 yang mana mana telah dikenalpasti akan diambilalih oleh Kerajaan Pusat dan mana-mana perlu jalan-jalanraya tersebut akan dinaikkan taraf dan juga diselenggarakan oleh Kementerian saya.

Mengenai rayuan untuk mendapatkan peruntukan bagi memperolehi jentera-jentera permit, saya telah pun dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan ke atas perkara-perkara itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri Sarawak dan juga negeri Sabah, Kerajaan Pusat telah mengambil keputusan untuk membelanja lebih daripada \$400 juta untuk memperbaiki jalan negeri-negeri Sabah sahaja. Jumlah peruntukan ini menjadi satu peruntukan yang terbesar di dalam sejarah kita yang tidak membelanja melalui Kementerian saya kepada satu negeri. Jadi negeri Sabah adalah bernasib baik sebab mereka dapat \$400 juta dalam tahun ini sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membuat teguran dan pandangan di atas beberapa aspek mengenai jambatan Pulau Pinang iaitu sama ada kadar tol yang akan ditetapkan lebih daripada kadar tambang feri.

Soalan yang kedua, beliau mengatakan sama ada kupon akan disediakan kepada pengguna-pengguna yang kerap menggunakan jambatan Pulau Pinang.

Soalan yang ketiga, sama ada Kerajaan menetapkan tempoh bayaran balik pinjaman diperpanjangkan supaya kadar tol dapat ditetapkan dengan serendah-rendahnya.

Akhir sekali beliau meminta Kerajaan menamakan jambatan Pulau Pinang berkaitan dengan perkataan "Pinang" umpamanya "Sri Pinang" dan "Mutiarra Pinang".

Mengenai (a), sukalah saya menjelaskan sekali lagi bahawa kadar tol yang akan ditetapkan tidak akan melebihi kadar tambang feri, tetapi ini bukan berertinya tambang feri tidak boleh naik, itu bukan dalam kuasa saya. Saya harap jikalau mereka suka juga menaikkan tambang feri, nasib baiklah saya pun boleh juga mengarah kepada Kementerian saya untuk menaikkan kadar tol mengikut dengan apa yang kita bayar untuk feri.

Mengenai soalan (b), Tuan Yang di-Pertua, prepared voucher dengan potongan harga sebanyak 20% akan disediakan seperti biasa bagi kemudahan pengguna-pengguna yang kerap menggunakan Jambatan Pulau Pinang.

Mengenai (c), sukalah saya menegaskan di sini bahawa sememangnya Kerajaan sentiasa menimbang kepentingan rakyat apabila menetapkan kadar-kadar tol. Kadar tol seperti yang ada sekarang ini adalah berpatutan dan mampu dibayar oleh mereka yang mempunyai kenderaan-kenderaan.

Mengenai (d), sukalah saya menyatakan bahawa cadangan itu akan diambil perhatian, walau bagaimanapun apabila Kerajaan

menimbang nama jambatan ini, cadangan serta kehendak penduduk-penduduk Pulau Pinang akan diambil kira. Begitu juga nama jambatan ini hendaklah mengenalkan Pulau Pinang sebagai tempat pelancongan yang menarik.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima beberapa poskad dari penduduk-penduduk di Pulau Pinang. Mereka telah menulis beribu-ribu surat kepada saya, diucapkan terima kasih kepada mereka. Ini boleh juga menaikkan hasil kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Walau bagaimanapun, untuk menghormati fikiran-fikiran rakyat mengikut dengan sistem demokrasi yang kita punyai, saya akan mencadang kepada Jemaah Menteri untuk mengadakan nama dengan "Jambatan Pulau Pinang" akan datang.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tentang terdapatnya bilangan rumah-rumah tol yang banyak akan dibina, sebenarnya rumah-rumah tol yang dirancang itu adalah untuk sistem tol tertutup.

Banyak di antara Ahli-ahli telah membincang perkara-perkara berkenaan dengan jalan-jalan di Negeri dan lain-lain. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta saya untuk mengambil alih semua jalan yang sedia ada di dalam tanahair kita. Saya suka menjelaskan kepada mereka perkara ini bukan boleh jadi satu perkara yang senang, sebab apabila Kementerian saya atau Kerajaan Pusat mengambil alih apa-apa jalan, kita mesti menjaga dan juga memperbaiki dan membelanja lebih wang peruntukan untuk mengadakan satu sistem yang baik.

Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil perhatian, Kerajaan Pusat suka juga menjalankan projek-projek iaitu seperti projek dari Kuala Kangsar ke

Gerik telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas. Saya telah berjanji kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas apabila kita menyelesaikan semua masalah-masalah berkenaan dengan tanah dan lain-lain dan juga apabila kita menyelesaikan masalah-masalah untuk dapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat, saya akan membincangkan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan, bukan sahaja Yang Berhormat tetapi kawasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Tetapi dukacita Yang Berhormat, iaitu Kerajaan Pusat tidak meluluskan peruntukan yang terbesar itu, sebab-sebabnya kemelesetan ekonomi sekarang di tanahair kita. Saya harap kita berdoa kepada Tuhan, insya Allah jikalau Tuhan akan memberi kebenaran kepada negara kita, saya harapkan kita boleh juga menyelesaikan masalah-masalah itu daripada kawasan Yang Berhormat. Masalah kawasan Yang Berhormat pun bukanlah lain daripada masalah kawasan saya, sebab kita berdua adik-beradik dengan sempadan yang sama. Saya harap jugalah apa-apa tindakan untuk memperbaiki kawasan Yang Berhormat, saya akan memberi satu pertimbangan yang istimewa sahaja. (*Tepuk*).

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan suka juga membelanja beberapa juta ringgit untuk memperbaiki keadaan jalan, seumpamanya di Negeri Perak dan juga untuk pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, walaupun beliau dan juga Negeri Perak meminta kepada Kementerian saya untuk mengadakan satu jejambat di Jalan Asam Kumbang, iaitu permintaan lebih daripada 15 tahun. Apabila Yang Berhormat Ahli dari kawasan Taiping mengambil alih kawasan itu, beliau berjanji kepada rakyat beliau akan menjalankan projek-projek itu dalam

tempoh 5 tahun, tetapi dukacita masa pun sudah jadi lebih daripada 15 tahun di mana kita tidak menjalankan apa-apa projek, sebab-sebabnya itu saya akan memberitahu dalam satu jangka masa yang akan kita bincangkan perkara berkenaan mengenai dengan kewangan. Tetapi hari ini saya suka juga mengumumkan bahawa Kerajaan dan juga Kementerian saya mengambil keputusan untuk menjalankan projek itu. Kita telah siapkan semua rekabentuk dan kita pun sudah menetapkan lebih kurang 5 kontraktor khas yang kita dapat daripada kontraktor-kontraktor dengan pengalaman untuk menjalankan rancangan-rancangan jambatan besi, bukannya mengikuti dengan sistem biasa atau concrete bridge. Saya harap dalam tempoh 3 atau 4 bulan akan datang kita boleh juga memulakan kerja di Asam Kumbang.

Saya suka memberi berita ini kepada Yang Berhormat Menteri yang sendiri memohon kepada saya. Kementerian saya telah meluluskan lebih daripada \$7 juta untuk menjalankan projek. Saya harap dan berjanji kepada Yang Berhormat, projek ini boleh dijalankan dalam tahun ini juga dalam tempoh 3 atau 4 bulan.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi beberapa pandangan-pandangan di atas Kementerian saya, saya suka mengucapkan terima kasih walaupun saya tidak ada masa untuk menjawab kepada mereka, tetapi kepada mereka semua saya suka memberitahu tol-tol yang dikutip oleh Kerajaan bukanlah untuk memberi masalah kepada rakyat tetapi ini ialah satu bahan untuk memberi lebih kemudahan kepada rakyat. Saya harap mereka mengambil perhatian atas perkara ini seperti Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi. Walau bagaimanapun, di

Padang Rengas kita tidak mengenakan tol, ini saya berjanji kepada Yang Berhormat.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahalalah yang dapat saya menjawab kepada teguran-teguran, pandangan dan kemusykilan Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan ke atas Rang Undang-undang Jalan Persekutuan (Pindaan) 1985. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada ucapan-ucapan dan sokongan-sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan bagi soalan-soalan dan kemusykilan yang tidak sempat saya jawab, saya telah mengambil perhatian dan mana-mana perlu, Kementerian saya akan mengambil tindakan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa).

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$162,985,510 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1985. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1985 yang asal.

Tambahan terbesar sebanyak \$120 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 7—Jabatan Perdana Menteri untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemilikan harta modal serta pemberian dan kenaan bayaran tetap. Tambahan ini termasuklah keperluan perbelanjaan mengurus bagi aktiviti baru di bawah Program Pentadbiran iaitu Institut Penyelidikan Mikro Elektronik dan Sistem Maklumat dan Rujukan Ketua Eksekutif.

Di samping itu, tambahan sebanyak \$32.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 20—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk

menambah peruntukan di bawah emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemilikan harta modal serta pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Dari jumlah tersebut sebanyak \$12.6 juta adalah diperlukan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1985 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1985.

Dengan tambahan sebanyak \$162,985,510 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini maka Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1985 berjumlah \$14,283,298,580. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$7,417,258,200 maka jumlah besar Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1985 menjadi \$21,700,556,780.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya mengemukakan cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1984 dan Tambahan Pertama 1985.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 adalah berjumlah \$173,006,980 iaitu sebanyak \$22,355,850 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$150,651,130 adalah Perbelanjaan Pinjaman. Dengan cadangan ini, jumlah peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1984 menjadi \$10,832,585,644. Dari jumlah ini, sebanyak \$8,407,489,424 telah dibelanjakan.

Tambahan terbesar adalah dikehendaki di bawah sektor ekonomi iaitu berjumlah \$150.6 juta atau 87.1% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan. Tambahan tersebut adalah diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan berikutan dengan pengeluaran wang pinjaman ke atas pembiayaan Projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia).

Selain dari itu, tambahan sebanyak \$22.3 juta atau 12.9% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah untuk Sektor Sosial iaitu untuk membiayai pembinaan dan pembelian alat-alat kelengkapan bagi projek-projek Pelajaran Rendah di Semenanjung Malaysia.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1985 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1985 adalah berjumlah \$226,974,830. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$56,119,400 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan selebihnya sebanyak \$170,855,430 adalah Perbelanjaan Pinjaman. Dengan cadangan tambahan ini, jumlah peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1985 menjadi \$7,880,499,754.

Tambahan terbesar adalah dikehendaki di bawah Sektor Ekonomi iaitu berjumlah \$182.5 juta atau 80.3% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan. Jumlah ini termasuklah peruntukan pinjaman sebanyak \$116.9 juta kepada Keretapi Tanah Melayu

untuk membiayai projek pembaharuan landasan Gemas-Paloh dan Merapoh-Tumpat; sebanyak \$14.4 juta sebagai peruntukan pinjaman kepada Lembaga Pelabuhan Johor dan sebanyak \$13.5 juta sebagai peruntukan pinjaman kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk membiayai projek bekalan air dalam kawasan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah.

Selain dari itu, tambahan sebanyak \$23.9 juta atau 10.6% daripada jumlah peruntukan tambahan ini adalah untuk Sektor Sosial. Jumlah ini termasuklah sebanyak \$12.2 juta sebagai peruntukan pinjaman untuk membiayai projek-projek di bawah Rancangan Pemulihan Kampung bagi pembangunan masyarakat di luar bandar.

Di bawah Sektor Pentadbiran Am, tambahan sebanyak \$17.4 juta atau 7.7% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan adalah diperlukan. Tambahan tersebut termasuklah sebanyak \$7 juta untuk membiayai kerja-kerja membaiki dan mengubahsuai Bangunan Parlimen dan sebanyak \$4.9 juta untuk perbelanjaan pembelian dan pemasangan alat-alat komputer bagi Sistem Maklumat dan Rujukan Ketua Eksekutif di Pejabat Perdana Menteri.

Bagi Sektor Keselamatan pula, tambahan yang diperlukan ialah sebanyak \$3.1 juta atau 1.4% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan. Tambahan ini termasuklah sebanyak \$1.8 juta untuk membiayai pembinaan rumah-rumah kediaman bagi kakitangan Pusat Pemulihan Dadah di Perlop, Perak.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil termasuklah beberapa peruntukan tanda \$10 bagi membiayai beberapa butiran di bawah berbagai sektor.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1985 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1985 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 dan Tambahan Pertama 1985, selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1984

DAN

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1985

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$399,981,810 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$173,006,980 bagi Maksud-maksud dan butiran-butiran

(Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$226,974,830 bagi Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri

Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.08 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan tahun 1985 tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan dalam perbahasan di peringkat dasar ini atas Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan maka saya suka mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan beberapa perkara untuk perhatian Kerajaan dan juga Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saat negara kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dan dibebani dengan masalah kekurangan kewangan untuk melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan, satu-satunya tanggungjawab yang sangat penting kepada pihak Kerajaan ialah meletakkan keutamaan perbelanjaan secara yang betul.

Wang awam hendaknya hanya dibelanjakan ke atas projek-projek yang benar-benar diperlukan dan secara langsung memberi faedah kepada rakyat. Semua projek mewah atau "prestige projects" dengan izin dalam Bahasa Inggeris hendaklah dibatalkan dan Kerajaan di semua peringkat hendaklah menyemak semula dan menyusun semula strategi pembangunan mereka bagi memastikan bahawa hanya projek yang berfaedah dan perlu kepada rakyat sahaja dilaksanakan.

Perbelanjaan awam di setiap Jabatan Kerajaan hendaklah disemak semula terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan upacara pembukaan dan aluan dan lawatan ataupun perjalanan di dalam serta ke luar negeri.

Perbelanjaan semua upacara pembukaan dan aluan-aluan selamat datang di semua majlis-majlis hendaklah dikurangkan seberapa banyak yang boleh.

Perjalanan ke luar negeri yang menggunakan perbelanjaan awam hendaklah dibuat hanya jika ianya benar-benar diperlukan.

Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri hendaklah menunjukkan contoh yang baik dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, malah juga langkah-langkah ini yang saya katakan telah ditimbang oleh Kerajaan untuk dilaksanakan, saya suka menitikberatkan tentang betapa pentingnya Dewan Rakyat ini atau Parlimen ini memainkan satu peranan yang tertentu untuk memeriksa dan mengawasi kegiatan pelbagai jabatan, kementerian dan agensi-agensi Kerajaan berhubung dengan pengurusan kewangan.

Parlimen mestilah menjalankan atau menggunakan haknya untuk memeriksa dan mengawasi cara-cara Kerajaan melevi cukai, membuat pinjaman dan cara membelanjakannya pula. Kegagalan berbuat demikian akan bermakna bahawa sistem demokrasi berparlimen kita menjadi lemah dan tidak memainkan peranannya dengan betul.

Ahli-ahli Parlimen hendaklah mengamati dan meneliti semua hal yang menyentuh kewangan Kerajaan. Mereka hendaklah tidak sahaja memeriksa semua cadangan belanjawan tahunan Kerajaan, tetapi mestilah juga membangkitkan soal-soalan yang menyentuh pengurusan kewangan Kerajaan.

Di dalam konteks ini Parlimen ini hendaklah mempunyai sebuah Jawatankuasa Tetap atau "Permanent Committee", dengan izin, untuk mengkaji dasar-dasar dan kegiatan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan ke atas semua perkara yang menyentuh dengan pengurusan kewangan.

Jawatankuasa ini hendaklah memastikan:

- (1) bahawa wang awam digunakan untuk sebab-sebab yang telah diputuskan oleh Parlimen dalam Anggaran Belanjawan;
- (2) bahawa semua pegawai perkhidmatan awam mencuba seberapa daya upaya untuk menggunakan peruntukan yang disediakan oleh jabatan berkenaan seberapa cekap yang boleh;
- (3) bahawa semua pihak yang terlibat dalam pengurusan kewangan hendaklah bersikap dan berkelakuan baik selaras dengan slogan ataupun cogan kata Kerajaan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah;

Sungguhpun pada masa kini Parlimen sudah ada suatu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau "Public Accounts Committee", dengan izin, untuk meneliti kewangan jabatan-jabatan Kerajaan, akan tetapi saya berpendapat bahawa ini tidak mencukupi dan kita patut ada satu "Jawatankuasa Tetap" atau "Permanent Committee" untuk mengkaji dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kementerian dan agensi-agensi Kerajaan ke atas semua perkara yang menyentuh pengurusan kewangan.

Mestilah terdapat, dengan izin, "accountability" yang utama dalam berbagai agensi yang menggunakan

wang awam yang berbilion ringgit dan accountability itu mestilah kepada Parlimen.

Saya suka menggesa Jabatan Kerajaan supaya memperbaiki kelemahan dan kesilapan dalam menyimpan kira-kira mereka dan cuba mengelakkan kelewatan untuk membentangkan sesuatu penyata kira-kira kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, saya juga suka merujuk secara ringkas kepada dialog pra-budget atau "pre-budget dialogue" antara kakitangan Kementerian Kewangan dengan wakil-wakil berbagai pertubuhan dan persatuan yang mewakili berbagai perniagaan. Dialog pra-belanjawan seumpama ini sangatlah berguna kerana ianya akan membantu Kementerian Kewangan mengetahui pandangan rakyat, pandangan dari segenap lapisan masyarakat sebelum membuat atau merumuskan Belanjawan 1986.

Saya suka menggesa Kerajaan supaya mengkaji pandangan berbagai organisasi-organisasi ataupun kesatuan-kesatuan secara serius dan mengambil pandangan itu jika ianya mempunyai kepentingan kepada rakyat.

Saya juga suka menggunakan kesempatan ini untuk menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya mengkaji secara serius keadaan berbagai perniagaan yang terdapat di negara ini yang menerima kesan pukulan dari cukai tertentu. Satu contoh yang baik ialah Cukai Perkhidmatan 10% yang dikenakan ke atas semua pusat makanan atau restoran yang mempunyai jualan tahunan melebihi \$500,000 atau lebih daripada \$1,400 sehari.

Cukai Perkhidmatan 10% ini telah menyebabkan golongan berpendapatan rendah dan menengah tidak berminat berlanggan di restoran dan ini mengakibatkan kekurangan perniagaan dialami oleh pengusaha-pengusahanya. Cukai Perkhidmatan ini akan juga memberi kesan buruk ke arah para pengguna yang sekarang terpaksa membayar lebih 10% ke atas bil-bil mereka.

Banyak restoran kecil dan sederhana menerima kesan dari penguatkuasaan Cukai Perkhidmatan 10% ini dan terpaksa menutup restoran kerana perniagaan mereka merosot, lebih-lebih lagi Cukai Perkhidmatan 10% ini tidak membantu menggalakkan industri pelancongan dan memandangkan bahawa pada masa kini Kerajaan sedang bergiat untuk menggalakkan kemajuan pelancongan di negara kita.

Saya berharap di sini dan saya juga suka menggesa pihak yang berkenaan supaya meneliti dengan secara serius kesan Cukai Perkhidmatan 10% ini ke atas industri pelancongan. Kerajaan hendaklah menyemak semula Cukai Perkhidmatan ini dengan tujuan untuk menghapuskannya ataupun sekurang-kurangnya mengurangkannya.

Satu lagi cukai yang harus diambil perhatian ialah Cukai Jualan 10% yang juga boleh disifatkan tidak menggalakkan kepada banyak industri atau "disincentive", dengan izin, kepada banyak industri terutamanya industri pembuat pakaian.

Menyentuh tentang industri pakaian ini, saya suka menyatakan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa di samping menghadapi Cukai Jualan 10%, pembuat-pembuat pakaian di negara ini menghadapi juga masalah pengimportan pakaian siap dari negeri Thai yang membanjiri pasaran tempatan dan dijual dengan harga yang murah sehingga menjejaskan industri pakaian di Malaysia.

Oleh kerana buat masa kini pihak Kerajaan bercadang untuk menggalakkan industri tempatan, saya harap bahawa pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian tentang masalah ini, masalah pengimportan pakaian siap dari negeri Thai yang tadi saya katakan boleh menjejaskan industri tempatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin membangkitkan di sini ialah tentang pengumuman Kerajaan baru-baru ini mengenai kenaikan gaji untuk kakitangan awam yang berada di bawah kategori C dan D. Pengumuman itu merupakan satu kekeciwaan ataupun dissatisfaction, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, yang besar oleh kerana kenaikan gaji antara \$15.00-\$35.00 adalah terlalu kecil, terlalu jauh dari yang diharapkan dan tidak cukup langsung untuk melepaskan beban yang dipikul oleh golongan berpendapatan rendah.

Pelarasan gaji yang diumumkan oleh Kerajaan pada 12hb Jun ini adalah satu tindakan yang tidak bermakna kerana ianya bukan merupakan satu kenaikan yang sebenar. Kenaikan itu tidak menyumbang kepada meningkatkan taraf hidup kakitangan awam dalam kategori yang terlibat. Angkatunjuk harga pengguna telah meningkat sebanyak 24.7% sejak tahun 1980. Tetapi Kerajaan telah menaikkan gaji pekerja antara 1.2% dan 12.1% sahaja. Kerajaan menyatakan bahawa ia tidak boleh memberikan kenaikan gaji yang lebih besar kepada kakitangan awam kerana kedudukan kewangan negara tidak mengizinkan.

Bagaimanapun, adalah menjadi pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan hendaklah mampu memenuhi permintaan kakitangan awam jika ia bersedia membuat usaha yang padu, membuat usaha yang gigih untuk menghindarkan perbelanjaan yang membazir. Jika Kerajaan tidak

membelanjakan berbillion-billion ringgit ke atas projek mewah di negara ini, maka ia mempunyai wang yang cukup untuk memenuhi permintaan kakitangan awam. Saya suka menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula permintaan kakitangan awam mengenai pelarasan gaji dan cuba seberapa boleh untuk memenuhi keinginan kakitangan awam atau sekurang-kurangnya untuk mewujudkan satu kompromis, sikap bertolak-ansur. Lagi pun kakitangan awam merupakan tulang belakang pentadbiran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara perhubungan ataupun telekomunikasi, saya mendapati juga bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga Telekom dan Pos telah mengumumkan baru-baru ini kadar panggilan telefon seberang laut dikurangkan sebanyak 10.55% mulai 16hb Julai. Tetapi panggilan dalam negeri akan dinaikkan dari 10 sen pada masa sekarang seunit ke 13 sen termasuk surcharge sebanyak 20 sen untuk pelanggan-pelanggan yang membuat panggilan menerusi operator. Yang Berhormat Menteri ada menerangkan bahawa bayaran telefon seberang laut dikurangkan untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat perhubungan dan perdagangan yang lebih compative tetapi menurut beliau kadar telefon dalam negeri terpaksa dinaikkan bagi menyediakan lebih banyak wang untuk projek pembangunan yang ada kaitan dengan rangkaian ataupun dengan pembangunan perhubungan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal tentang kebijaksanaan Kerajaan menaikkan kadar telefon dalam negeri. Walaupun kenaikan sebanyak 13 sen nampaknya kecil tetapi tanpa diragukan ia merupakan satu beban kewangan kepada pelanggan-pelanggan dalam negeri. Nampaknya adalah tidak adil mengenakan satu beban tambahan ke

atas pengguna dalam negeri dengan tujuan untuk memberi faedah kepada ahli perniagaan yang besar yang mempunyai hubungan dagang antarabangsa. Kerajaan hendaklah lebih bersimpati kepada ahli-ahli perniagaan tempatan yang bergantung penuh kepada perkhidmatan telefon untuk perhubungan perniagaan mereka di dalam negeri. Lebih-lebih lagi Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat banyak aduan mengenai perkhidmatan telefon yang tidak memuaskan dan adalah difahamkan orang ramai merasa kurang senang dengan kenaikan kadar telefon tempatan.

Memandangkan di atas, saya suka menggesakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ataupun Kerajaan supaya menimbang semula keputusan menaikkan kadar telefon dalam negeri demi kepentingan semua pelanggan telefon terutamanya mereka yang selalu menggunakan telefon untuk hubungan perniagaan di dalam negeri.

Dengan ini saya ingin mengakhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

5.27 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Saya tidak mengambil masa yang panjang. Hanya saya ingin menyuarakan di sini perkara-perkara tertentu yang saya fikir patut disuarakan di Dewan mengenai satu, iaitu kita sekarang dikatakan mengalami kemelesetan ekonomi dan oleh sebab itu banyak kegiatan-kegiatan dan tujuan-tujuan telah pun ditunda ataupun dibatalkan sama sekali, memandangkan keadaan kewangan yang tidak ada. Saya hanya menumpukan pandangan ucapan saya kepada perkara yang berbangkit di kawasan dan penduduk yang saya selalu berjumpa dengan mereka.

Tuan Yang Dipertua, keadaan kita sekarang ialah lebih sulit daripada dahulu iaitu kerana sikap pergantungan sangat kepada Kerajaan adalah satu sikap yang sekarang berada di kalangan penduduk luar bandar. Ini telah disebabkan oleh sasaran daripada pihak tertentu selama kita merdeka dan pandangan perasaan tidak puas hati telah pun timbul di kalangan tertentu mengenai ketidakadil tindakan terhadap mereka, mengenai permohonan, mengenai perasaan yang mereka sampaikan kepada pihak-pihak tertentu selama ini. Banyak kali dalam kalangan mereka yang duduk di tempat luar bandar kerana mereka bertaburan di sana-sini kerana mereka tidak dapat menggunakan saluran-saluran tertentu untuk menyampaikan hasrat pandangan dan cita-cita mereka, maka selalu mereka terlupa oleh pihak-pihak pentadbir dan juga hanya diketepikan sahaja bila mereka mendesak supaya permohonan mereka ataupun hasrat mereka diperhatikan. Ini telah menyebabkan pandangan yang sangka Kerajaan tidak mengambil berat terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan ini mengenai keadaan di satu kawasan di Sematan, Bahagian Pertama iaitu para nelayan di kawasan Sematan, banyak nelayan-nelayan di sana yang pergi ke laut tiap pagi dan membawa balik ikan yang ditangkap oleh mereka itu, semua mereka ini sekarang adalah dalam kawalan pihak-pihak orang tengah. Dan selama ini mereka bila hendak masuk dalam usaha perikanan, mereka perlukan perahu, mereka perlukan berbagai alat untuk menangkap ikan dan kebanyakan mereka ini diperolehi perkara-perkara yang diperlukannya oleh pihak orang tengah. Jadi, bila sudah demikian terikatlah mereka itu kepada orang tengah selama-lamanya mereka dalam usaha menangkap ikan di laut. Saya lama sudah memohon pandangan daripada pihak tertentu

supaya mereka ini dapat diperhatikan, supaya keadaan mereka itu diperhatikan sepertimana yang telah diperhatikan mereka yang di Semenanjung, tetapi sampai sekarang belum ada tindakan. Jadi, saya mohon supaya pihak nelayan ini dapat pada kali ini mereka di Sematan Ulu, Bahagian Pertama diambil perhatian tertentu.

Kedua, keadaan yang saya bangkitkan sebelum ini ialah perasaan yang telah timbul, ada pun berekoran dengan permohonan-permohonan daripada mereka yang meminta lesen, mungkin lesen kayu balak, lesen mencarigali tanah, mencari emas (antimony) perlombongan pasir putih, mereka anak tempatan, Tuan Yang di-Pertua, yang memohon untuk diberi keutamaan dalam urusan niaga ataupun perlombongan tertentu telah selama ini diabaikan sahaja, diketepikan sahaja. Di Sematan ada satu tempat pasir putih, jadi di situ penduduk tempatan telah mengumpulkan tenaga mengharapkan kepada Kerajaan untuk memperhatikan kumpulan ini tetapi sekarang pun diabaikan juga. Di sekeliling kawasan Bau adalah kawasan itu kawasan perlombongan yang terpalang besar mungkin di seluruh Sarawak kalau tidak di Borneo, untuk mencari emas (antimony) ialah satu tempat yang paling besar di seluruh Malaysia. Di situ pun banyak anak tempatan yang dahulu berusaha dalam perlombongan emas, sekarang pun diketepikan. Kuasa Tempatan telah mengambil pihak yang kaya daripada tempat yang lain di negeri Sarawak juga untuk berusaha di situ. Dan juga pekerja-pekerja daripada tempat lain, daripada Filipina, Australia dan Eropah pun dihantar ke sana, termasuk beberapa orang daripada Nepal yang menjadi Security Guard.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan semua mengetahui bahawa usaha yang besar adalah satu usaha menelan

belanja yang banyak dan juga memerlukan expertise yang tertentu. Tetapi dalam kita mengetahui keadaan ini, ingin juga kita perhatian keadaan, perasaan anak tempatan supaya harta negara dan kekayaan negara dapat dibahagi-bahagikan kepada sebilangan besar yang boleh. Ini adalah menurut equity for all, menurut keadilan kepada semua. Jadi, dalam ketidakperhatian, dalam ketidakpandangan maka perasaan yang akan timbul, dan pun sudah timbul, ialah perasaan alangkah mereka ini tidak serupa dengan orang yang diberikan dengan kemudahan tertentu. Saya memohon di sini supaya dalam Kerajaan membahagi-bahagikan kemudahan kekayaan dan harta negara bahawa satu sikap patut sebagai sikap untuk mentadbirkannya iaitu sikap bahawa semua pegawai-pegawai dan pihak berkuasa ialah mereka itu hanya para amanah (trusty) sahaja dan sebagai trusty adalah mereka diperlukan bahawa pandangan lebih adil, lebih saksama dan lebih mengirakan yang patut dan tidak patut. Seharusnya jangan sikap mengambil kira hanya yang berdampingan dengan pihak berkuasa tertentu hanya mereka dapat diperhatikan dan mereka yang tidak dapat oleh kerana mereka tidak mencukupi wang, mereka tidak mempunyai kemudahan-kemudahan tertentu, mereka ini sebab kekurangan itu diabaikan dan diketepikan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak sekarang sumber yang paling pertama yang mengeluarkan hasil kepada negeri ialah hasil daripada kayu balak, tetapi oleh kerana ekonomi dunia yang merosot sekarang, maka itu pun sudah berkurangan dari segi hasil. Jadi, kita sekarang berbincang bertambahnya perbelanjaan untuk tahun ini, untuk tahun lepas. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu memandang keadaan ekonomi sekarang yang tidak baik bersikap bukannya lebih adil lagi, tetapi bersikap memandangkan ke

mana patutnya perbelanjaan ditumpukan supaya perbelanjaan itu bila ditumpukan akan membawa hasil pada tempoh tertentu. Dan juga bukan hanya membawa hasil daripada segi kutipan wang ringgit daripada penjualan hasil tetapi juga kita memandangkan dari segi pembangunan sosio ekonomi iaitu pekerja-pekerja yang banyak akan dapat menikmati perbelanjaan-perbelanjaan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta duduk sebentar. Yang Berhormat, saya rasa kita ada masalah sedikit sebab selama ini saya mendengar ucapan Yang Berhormat, mungkin lebih wajar dibuat bila Dewan ini menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan, tetapi ada berlainan sedikit bila Dewan menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan untuk panduan Ahli Yang Berhormat, saya akan baca Peraturan Mesyuarat yang berkenaan iaitu Peraturan Mesyuarat 67B (4):

“Apabila seseorang hendak mengedarkan ketetapan kepada Jawatankuasa seperti yang tersebut dalam perenggan (2) telah dicadangkan dan disokong, perbahasan di atas usul bagi Anggaran Pembangunan Tambahan hendaklah diteruskan dan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang dimasukkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan dan mengenai dasar-dasar am Kerajaan berkaitan dengan tujuan-tujuan yang Kumpulanwang Pembangunan itu boleh dipakai”

Jadi dia ada lebih khusus. Saya harap Yang Berhormat mengolahkan ucapan supaya biarlah lebih khusus kepada Perbekalan Tambahan yang diminta ataupun perbelanjaan pembangunan tambahan yang diminta.

Tuan Patrick Anek Uren: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi terkeluar sedikit kerana bila saya dengar ucapan Ahli dari Kuala Lumpur Bandar, Tuan Yang di-Pertua biarkan sahaja beliau cakap perkara yang terkeluar daripada yang dicadangkan di sini. Saya mohon maaf.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lebih bersangkutan-paut dengan Anggaran Perbelanjaan adalah saya memandangkan kepada perbelanjaan yang kita sudah luluskan di Dewan ini dan sekarang kita minta tambahan. Saya hanya ingin menyebut sedemikian, selepas itu saya akan berpandu kepada arahan Tuan Yang di-Pertua. Bahawa kalau perbelanjaan yang sudah begitu lama kita membelanjakan tumpukan kepada usaha yang dapat mengeluarkan hasil seperti sekarang kelapa sawit. Kelapa sawit sekarang di pasaran dunia adalah satu komoditi yang begitu mewah. Saya fikir negara kita yang mempunyai tanah yang luas kalau kita membangunkan tanah, usaha itu akan membawa hasil dan juga membawa kepada banyaknya pekerja-pekerja daripada kalangan rakyat yang bertambah sekarang. Seperti kalau kita membelanjakan wang ringgit di dalam usaha yang tidak bertujuan demikian itu bila masa kita merosot seperti sekarang simpanan kita haruslah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya di buku ini, dalam Kertas Perintah 20/85 ada satu perkara mengenai Sarawak iaitu Rancangan Penempatan Semula di Sarawak. Inilah perkara yang paling baik, penempatan semula penduduk yang bertaburan di sana sini supaya mereka, satu, dapat dibangunkan dengan kawalan tertentu; kedua, mereka dapat disalurkan kepada pengeluaran hasil tertentu; juga supaya mereka itu dapat daripada intereaksi, dapat memupukkan semangat perpaduan di kalangan mereka.

Juga saya berbalik kepada kawasan yang saya sebutkan tadi iaitu kawasan perlombongan di Bau, Sarawak. Bahawa di kawasan Bau itu banyak penduduk yang bertaburan di bukit-bukau, kampung sini mempunyai 20 pintu, kampung sana 30 pintu, jauh daripada satu dengan lain. Hubungan kepada mereka begitu susah dan juga permohonan daripada mereka itu bertambah pada setiap tahun, pada setiap bulan. Rancangan Penempatan Semula mereka kalau ditumpukan tindakan ini itulah yang saya mohon supaya mereka di kawasan Bau itu yang jauh daripada bandar dan juga yang sekarang duduk di tempat perlombongan dapat ditempatkan semula dan Rancangan Penempatan Semula diberikan kepada mereka supaya mereka dapat menikmati walaupun mereka tidak dapat menyertai secara langsung dalam perlombongan tetapi mereka dapat faedah daripada tindakan yang menggunakan hasil pendapatan daripada perlombongan itu.

Juga bersangkutan dengan itu adalah perlu bahawa Kerajaan mengambil kira bila membuka usaha-usaha tertentu iaitu usaha hasil bumi supaya satu tabung dibuat dan kutipan daripada pengusaha-pengusaha usaha tertentu itu diambil dan dikumpul dalam satu tabung untuk membiayai mereka yang terpaksa hendak dipindahkan untuk membolehkan pengusaha-pengusaha tertentu berusaha dalam usaha tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sebut ialah buruh di tanahair kita. Kita tahu bahawa Kerajaan kita dengan Kerajaan Indonesia telah pun menandatangani satu perjanjian untuk membolehkan pekerja-pekerja daripada negara jiran kita untuk bekerja di tanahair. Tetapi yang saya ingin menyebut di sini mengapa kita perlukan buruh-buruh daripada negara jiran walaupun dari segi perhubungan

kita adalah baik, memandangkan sekarang kita ada mempunyai buruh kita sendiri yang ramai tidak ada kerja. Sebelum kita mengambil kira dari segi perhubungan ekonomi iaitu economic co-operation di antara negara jiran ataupun di antara rantau ini, mengapa kita tidak memandang daripada economic co-operation di antara negeri-negeri di Malaysia. Bukankah itu akan menambah integrasi nasional kita. Kalau pekerja-pekerja dari Sarawak dihantar bekerja ke Pulau Pinang misalnya ataupun yang dari sini pergi ke Sabah, bukankah itu baik ke arah memaju dan memupukkan semangat perpaduan di kalangan rakyat kita. Bila kita mengambil pekerja-pekerja oleh kerana kita memandang dari segi ekonomi iaitu supaya pengusaha-pengusaha tanaman ataupun usaha-usaha tertentu mendapat untung maka telah timbullah masalah sosial. Saya pernah tengok di Kuching sekarang ada satu kumpulan dari Bangladesh, ramai mereka dari Bangladesh, tetapi pengalaman mereka, kepandaian mereka kalau tidak silap saya, mungkin kurang daripada anak tempatan. Saya ingin menyeru di sini supaya Kerajaan menggesa pengusaha-pengusaha tempatan supaya jangan mementingkan hanya keuntungan tetapi mementingkan juga iaitu—(1) perkembangan sosial; (2) perkembangan integrasi nasional di kalangan rakyat kita. Kalau kita hanya memandangkan dari segi keuntungan, ini akan menyebabkan bertambahnya bilangan yang tidak bekerja di kalangan rakyat kita dan bertambahnya masuk ke negara kita orang yang mungkin tidak membawa apa-apa kepada negara.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin menyeru bahawa sikap dan pandangan Kerajaan mengambil berat perhatian kepada apa yang berlaku di tanahair memandangkan, satunya, ekonomi kita merosot. Kita patut sekarang mendapatkan satu garis panduan yang

baru untuk merancang masa depan kita. Kita tidak lama lagi di ambang pintu masuk ke Rancangan Malaysia Kelima dan saya sudah dengar ramalan daripada pihak-pihak tertentu di sini, daripada laporan-laporan baru-baru ini bahawa Rancangan Malaysia Kelima akan memandang berat terhadap pertanian. Itu adalah sikap yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mintalah sebab Yang Berhormat kata mungkin yang akhir sekali dan sekiranya didapati saya agak melonggarkan sedikit dalam menekankan peraturan-peraturan mesyuarat, saya harap janganlah Yang Berhormat keterlaluan. Nanti saya suruh duduk serta merta, malu pula. Sila teruskan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Partick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin membuat seruan demikian dan dalam membahaskan ini, saya ingin memohon maaf dari Tuan Yang di-Pertua kerana mula-mula tadi, bagaimana membahaskan ini tidak disebutkan dahulu. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat sudah mula berhujah dengan saya. Jangan berhujah dengan saya. Ucapkan apa yang hendak diucapkan mengikut peraturan-peraturan mesyuarat. Kelonggaran yang diberi banyak mana dan kepada siapa ialah di atas budibicara saya. Silakan.

Tuan Patrick Anek Uren: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya akan pendekkan ucapan saya. Tadi saya cakap pada akhirnya bahawa adalah perlu pandangan dan sikap ini untuk mencari garis panduan ialah supaya bila kita masuk ke Rancangan Malaysia Kelima, rancangan itu akan membawa faedah dan faedah itu akan dinikmati oleh sebilangan yang besar yang boleh di tanahair kita dan dengan itu, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.04 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) dan ingin saya menyentuh terlebih dahulu kepada Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama tahun ini—Maksud B. 7 yang memperuntukkan wang sebanyak \$120 juta kepada Jabatan Perdana Menteri.

Seperti yang kita maklum, Jabatan Perdana Menteri adalah sebuah Jabatan Kerajaan yang amat penting dan tahun demi tahun pejabat itu selalu memohon peruntukan wang yang besar untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkenaan dengan pembangunan ataupun melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Tidak dapat dinafikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga adalah seorang Menteri yang terutama dalam Kabinet itu dan boleh dikatakan sebagai, dengan izin, "first among equals".

Sekiranya kita sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan pihak Kerajaan hendak menghormati prinsip "Ministerial responsibility", Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan peruntukan pentadbiran yang besar kepada pejabatnya haruslah bertanggungjawab bagi semua tindakan-tindakan Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil sumpah menjadi Perdana Menteri negara kita dalam tiga empat tahun lalu, beliau menarik penyokong dan penghargaan seluruh negara kita dengan perjanjiannya bahawa Kerajaan akan membina satu pentadbiran yang cekap, bersih, licin dan beramanah.

Dalam pilihanraya umum tahun 1982, dengan slogan tersebut itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pemimpin Barisan Nasional juga mencapai kemenangan yang cemerlang dari pengundi-pengundi negara kita. Akan tetapi pada masa itu, pada masa mula-mulanya cita-cita rakyat ialah bahawa mandat yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinetnya pada pilihanraya besar 1982, mandat itu akan membolehkan Kerajaan untuk membuka satu zaman yang baru di mana tindakan-tindakan berkesan akan diambil untuk kepentingan negara kita di mana rasuah akan dihapuskan, produktiviti ditingkatkan, pentadbiran dilicinkan sebagai pra-syarat ke arah sebuah masyarakat yang makmur dan terbuka serta liberal. Maka hari ini iaitu tiga tahun setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pemimpin Kerajaan Barisan Nasional mendapat mandat dalam pilihanraya itu, masanya telah tiba juga untuk rakyat Malaysia memeriksa prestasi-prestasi Kerajaan untuk menentukan sama ada Kerajaan Barisan Nasional telah mencapai matlamat-matlamat yang dijanjikan dalam manifesto pilihanraya tahun 1982.

Apa yang saya maksudkan ialah rakyat Malaysia sekarang harus memeriksa "track record" supaya menentukan sama ada cita-cita mereka dalam tahun 1982 telah ditunaikan atau tidak. Soalan yang berkait ialah dalam tempoh selama 3 tahun ke belakangan ini, adakah rakyat dikekalkan terhadap usaha Kerajaan mengendalikan isu-isu tertentu untuk menyatupadu negara kita menerusi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Prestasi Jabatan Perdana Menteri di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, bolehkah prestasi itu dan tindak-tanduk Kerajaan pada amnya dalam tempoh lalu itu menjadi asas kukuh bagi harapan rakyat, bahawa pentadbiran Kerajaan yang lebih

bersih, cekap dan amanah dalam masa depan demi kepentingan negara kita. Pada mulanya kita harus mengambilkira latar belakang ekonomi buat masa sekarang di Malaysia oleh kerana keadaan ekonomi Malaysia sekarang semakin meleset dengan kemungkinan kecil bahawa keadaan itu akan diperbaiki dalam immediate future, dengan izin, rakyat Malaysia menderita daripada beberapa kesan yang buruk.

Yang pertama, projek-projek yang dirancang asalnya untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat jelata telah digantung kerana kekurangan kewangan dan dengan keturunan harga hasil-hasil negara kita seperti getah, kayu, minyak mentah dan sebagainya, pendapatan negara kita serta pendapatan individu-individu telah turun juga. Maka, dengan izin, cash flow yang menjadi lebih teruk aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian menjadi semakin lewat. Orang ramai khususnya yang berpendapatan rendah seperti usahawan-usahawan kecil, nelayan-nelayan, petani-petani, pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk sebentar! Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat masih berucap berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1985, di bawah Jabatan Perdana Menteri?

Saya ingin merujuk perhatian Yang Berhormat kepada Memorandum Perbendaharaan yang jelas menerangkan bahawa tambahan di bawah Maksud P. 7 Memorandum ini menjadi sebahagian daripada Kertas Perintah Dewan—sebanyak \$119,978,200 adalah dikehendaki untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen perkhidmatan dan bekalan, pemilikan harta modal serta pemberian dan kenaan bayaran tetap. Tambahan ini termasuklah keperluan perbelanjaan mengurus bagi aktiviti

baru di bawah Program Pentadbiran iaitu Institut Penyelidikan Mikro Elektronik (MIMOS) dan Sistem Maklumat dan Rujukan Ketua Eksekutif. Jumlah ini telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Perbelanjaan Luar Langka. Jadi saya harap Yang Berhormat cubalah olah ucapan sesuai dengan huraian dalam memorandum ini. Silakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baiklah saya jelaskan, saya bukan hendak berhujah dengan Tuan Yang Dipertua.

Dalam Maksud B. 7, Kod 2000 Perkhidmatan dan Bekalan, selanjutnya Pemilikan Harta Modal, Emolumen dan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan telah diberi peruntukan yang besar.

Saya ingin membuat perhubungan di antara peruntukan ini dengan sikap Kerajaan pada amnya dalam pelaksanaan projek-projek ini, khususnya saya ingin tekankan kepada satu prinsip yang mungkin kurang dihormati oleh Kerajaan pada amnya iaitu Public Accountability dan saya sedang memberi latar belakang sahaja. Kalau saya dapat izinkan, saya terus membuat ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk. Ahli Yang Berhormat pada pendapat saya Public Accountability adalah tanggungjawab Kerajaan keseluruhannya kepada Dewan ini dan bukan khusus tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri sebagai menjadikan isi ucapan dasar di bawah masalah yang kita pertimbangkan sekarang. Itu sebagai panduan yang saya kemukakan. Jadi sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Dan di dalam pendahuluan yang saya diberi tadi, saya sebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai "first among equals"

bertanggungjawab kepada rakyat jelata pada semua perkara-perkara Kerajaan juga.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin bangkitkan ialah dalam keadaan yang buruk ini sudah jadi satu masalah yang besar untuk rakyat jelata memenuhi kehendak-kehendak asas mereka dan setiap sen yang diperuntukkan bagi tujuan awam mestilah tidak dibazirkan. Dalam konteks ini saya ingin menyebut satu kes sebagai test case untuk memeriksa prestasi Kerajaan, kes itu ialah kes Skandal Pinjaman BMF.

Dalam bulan Mac, 1983 saya telah memohon kepada Dewan ini supaya menanggungkan mesyuarat Dewan ini untuk membahaskan perkara Skandal BMF atas laporan dalam satu akhbar luar negeri iaitu "Asian Wall Street Journal", tetapi permohonan saya ditolak. Tidak lama selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mendedahkan secara awam bahawa masalah Skandal BMF itu wujud dan ianya pun mensifatkan skandal itu sebagai "heinous crime". Walau bagaimanapun, sehingga masa sekarang pihak Kerajaan seakan-akan keberatan hendak menyiasat kes BMF itu sehingga semua hakikat berhubung dengan kes ini didedahkan kepada orang ramai, dan orang-orang yang didapati bersalah dituduh di mahkamah. Contohnya dalam bulan Oktober, 1984 satu usul yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasat Diraja untuk usaha menyiasat kes Skandal Pinjaman BMF ditolak dalam Dewan ini juga. Apabila usul Ketua Pembangkang untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja (Royal Commission of Inquiry) ditolak, hujah-hujah yang diberikan oleh pihak Kerajaan ialah bahawa satu Jawatankuasa Penyiasat Dalam telah ditubuhkan di bawah jurisdiction Bank Bumiputra.

Pada masa itu kami dalam DAP telah mengesyakki bahawa Kerajaan hendak menjalankan satu exercise untuk cover up hakikat yang wujud dalam kes skandal BMF ini. Oleh kerana penubuhan sebuah Jawatankuasa Penyiasatan Dalam tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menjalankan criminal proceeding, dengan izin, tentang siapa yang bersalah oleh kerana Ahli-ahli Jawatankuasa Penyiasatan Tan Sri Ahmad Noordin itu tidak dikecualikan daripada tindakan mahkamah terhadap tuduhan libel ataupun defamation dan lebih penting daripada kedua-dua sebab-sebab itu ialah bahawa Jawatankuasa Penyiasatan Dalam itu yang diketuai oleh Auditor-General bertanggungjawab dan menjawab secara langsung kepada Bank Bumiputera dan secara tidak langsung kepada pihak Eksekutif. Tetapi jikalau sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja boleh dibuat, kita bukan dalam Dewan ini sahaja tetapi kita sebagai satu masyarakat yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen akan boleh dipastikan bahawa penyiasatan ini akan menjadi objective of impartial, oleh kerana Ahli-ahli Suruhanjaya Penyiasatan Diraja itu.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Ahli Yang Berhormat, saya telah sesungguhnya mencari-cari kaitannya daripada agak saya 7 minit yang kebelakangan ini tak juga saya nampak kaitannya, jadi saya sudah tak sabar lagi. Sekiranya Yang Berhormat teruskan lagi, saya akan guna peruntukan Mesyuarat 36 (1). Saya harap Yang Berhormat boleh teruskan ucapan, beralihlah kepada perkara-perkara lain yang lebih berkait. Sila teruskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Kuasa yang diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua ialah untuk membuat keputusan sama ada saya membuat ucapan yang

berkait atau tidak berkait. Dalam perbahasan semalam saya tunggu 4 jam untuk memeriksa sama ada ucapan semalam berkait atau tidak berkait, saya pun tidak berjaya. Saya tidak sabar, tetapi saya seorang Ahli Parlimen sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak sabar, give up, minta yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk! Sebenarnya saya tak haruslah berhujah dengan Yang Berhormat dan bukan maksud saya berhujah, tetapi semalam masalah di hadapan Majlis ialah satu pindaan kepada Rang Undang-undang. Hari ini masalah di hadapan Majlis ialah pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan. Bezanya Yang Berhormat, ialah hari ini kita tertakluk kepada beberapa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang berlainan daripada Peraturan-peraturan Mesyuarat yang menguasai perbahasan semalam, saya rasa jelas.

Tetapi untuk menjelaskan lagi, izinkan saya membaca Peraturan Mesyuarat 67 (5) dan saya bacakan:

“Apabila usul hendak mengedarkan Rang Undang-undang kepada Jawatankuasa seperti yang tersebut dalam perenggan 3 telah dicadangkan dan disokong, perbahasan di atas usul-usul bagi Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan hendaklah diteruskan dan hendaklah dihadkan....”

Tidak ada dalam Peraturan Mesyuarat yang lain yang menyebutkan dengan jelas “dihadkan”;

“...kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang

dimaksudkan dalam Rang Undang-undang dan Anggaran Pembangunan Tambahan dan mengenai dasar-dasar am Kerajaan yang berkaitan dengan tujuan-tujuan yang Kumpulan Wang Pembangunan itu boleh dipakai, sebagaimana yang dinyatakan dalam penerangan di bawah seksyen-kecil (2) Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, selebih-lebihnya satu hari hendaklah diuntukkan bagi perbincangan demikian di atas.”.

Jadi ada maksudnya Yang Berhormat, dihadkan kerana diberi masa yang had. Jadi, diminta Ahli-ahli Yang Berhormat itu khusus dan tepat membahaskannya mengenai cerita-cerita wang, Yang Berhormat tak boleh sentuh dengan panjang lebar, kena pendek dan tepat. Sila teruskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya tak mahu berhujah dengan Tuan Yang di-Pertua, tetapi jika di bawah Tertib Mesyuarat 67 (5) ucapan saya terhad kepada general principles of Government policy and administration as indicated by the supplementary appropriation dan sehingga masa sekarang saya hadkan saya sendiri untuk mengucapkan bagaimanakah Kerajaan boleh memperbaiki pentadbirannya dengan peruntukan wang jangka untuk emolumen dan bayaran tetap.

Tuan Yang di-Pertua, saya give up, ask somebody else.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.18 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangun untuk bersama-sama membincang Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi tahun kewangan 1984 dan juga

tambahan kewangan 1985 yang dibentangkan dalam Dewan pada petang ini.

Di dalam ucapan yang telah dibincangkan dan beberapa kali telah dicakap oleh pihak Pembangkang sendiri dalam sektor sosial misalnya, mereka banyak menyentuh soal perpaduan. Di dalam peruntukan yang diberi, projek-projek pelajaran di sekolah rendah diuntukkan sebanyak \$22 juta atau \$2.9 juta daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan untuk sektor ini ialah di bawah pelajaran. Tambahan ini diperuntukkan kepada sekolah rendah. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa untuk mewujudkan perpaduan kita tidak boleh mulakan setelah orang-orang itu sudah dewasa, tambah-tambah lagi....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk sebentar! Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menggulung agak dalam masa 5 minit pada peringkat ini?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh gulung dalam masa 5 minit, 10 minit pun boleh, tak gulung pun tak apa (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat, saya beri masa kepada Yang Berhormat sehingga pukul 6.24 petang, kemudian saya minta Timbalan Menteri Kewangan menggulung sehingga pukul 6.29 petang, lepas itu saya akan kemukakan masalah bagi Majlis diputuskan. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap hingga pukul 6.23 petang sahaja (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang saya maksudkan di sini....

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan duduk sebentar Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita hari ini bukan tamat pukul 7.00 malam, sebab Peraturan Mesyuarat telah pun dipinda dalam Mesyuarat yang lalu. Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila kita melihat kepada peruntukan tambahan ini, maknanya peruntukan ini diberi tambahan kepada pelajaran-pelajaran rendah untuk menambahkan kelengkapan-kelengkapan dan ini adalah amat baik sekali bagi mewujudkan masalah perpaduan yang sekarang ini banyak dicakapkan oleh pihak tertentu. Misalnya sekarang ini terdapat bahawa di dalam pendidikan rendah ini ada perbezaan pendidikan. Perbezaan pendidikan ini menyebabkan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan pelajaran rendah yang sama ataupun untuk menerima pengalaman yang sama di peringkat rendah ini tidak akan tercapai selagi keadaan yang wujud berbeza di antara tiap-tiap kaum yang ada dalam negara ini.

Jadi, dengan sebab itulah di dalam tambahan pelajaran rendah ini hendaklah menumpukan kepada penyamaan kepada didikan awal yang diberi kepada anak-anak kita supaya mereka itu tidak akan menerima pengalaman yang berlainan setelah mereka itu besar nanti.

Yang kedua, saya suka hendak menyebut kepada beberapa perkara berkenaan dengan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pertanian iaitu sebanyak \$2.1 juta untuk membiayai bayaran terakhir kontrak membeli dua buah kapal korek untuk kegunaan Jabatan Laut.

Setakat ini saya telah dengar bahawa kapal korek ini telah dibeli tetapi malangnya tidak pun sampai ke peringkat yang kita harapkan kerana

setakat ini kapal korek ini tidak pun sampai ke tempat yang diperlukan. Akhir-akhir ini sampai pun nampaknya di saat-saat akhir. Jadi, sepatutnya tempat kegunaan kapal korek ini digunakan di tempat yang memerlukan, misalnya di tempat-tempat di kuala-kuala sungai yang tertutup ataupun di tempat-tempat yang sepatutnya, misalnya di Pantai Timur, di muka-muka kuala yang semuanya sudah tertutup dan juga telah menyekat rezeki nelayan-nelayan kita untuk pergi ke laut. Perkara ini telah lama dilaung-laungkan, kapal korek telah dibeli tetapi belum lagi dikorek. Jadi, dengan sebab itulah maka pihak kita meminta apabila kapal korek itu dibeli sepatutnya korek dijalankan dengan segera supaya matlamatnya akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh kepada peruntukan tambahan yang diberi sebanyak \$600,000 untuk pinjaman kepada Bank Pertanian bagi membiayai kerosakan tanaman tembakau akibat hujan lebat yang berlaku baru-baru ini. Dengan bantuan ini sedikit sebanyak telah memberi keselesaan kepada penanam-penanam tembakau di negeri Kelantan dan juga di Terengganu yang tidak semena-mena berlaku bencana yang tidak diingini ini. Peruntukan ini bukan sahaja diberi dengan secara tiba-tiba tetapi hendaklah disediakan pada sepanjang masa supaya peruntukan yang disediakan dapat diberi dengan secepat yang mungkin dan orang-orang yang benar-benar terlibat dengan bencana ini akan menerima bahagiannya dan tidak diberi dengan cara sewenang-wenang atau kadang-kadang ada saya terdengar cerita bahawa tembakau tak tenggelam duit dapat. Kita berilah kepada orang yang benar-benar supaya benda ini akan dapat faedah kepada mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan.

6.25 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan terhadap cadangan seperti yang telah dibuat awal-awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa dihadkan, maka saya ingin pergi secara menyeluruh tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membincangkan usul ini.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah menekankan soal Cukai Perkhidmatan 10% yang mana mengikut beliau cukai ini mungkin mengurangkan pendapatan mereka yang mempunyai restoran-restoran ataupun kedai-kedai makan yang membuat jualan lebih daripada had yang telah ditetapkan dan dikenakan Cukai Perkhidmatan 10%.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang di dalam pandangan Kementerian Kewangan dan kalau sekiranya kita mengubah peratusan cukai ini ianya bukanlah disebabkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Sebenarnya memang cukai ini sudah kita perhatikan dan dalam kajian tetapi sama ada kita hendak kurangkan ataupun hendak tambahkan, kita belum tahu. Yang pasti ianya memang di dalam kajian Kementerian Kewangan.

Berkenaan Cukai Jualan, sebenarnya Cukai Jualan ini adalah satu cukai, yang kita berpendapat, mempunyai, dengan izin, broad base, ertinya cukai ini adalah satu cukai

yang adil di mana ianya akan dikenakan kepada tiap-tiap orang atas dasar sama-rata berbeza dengan misalannya cukai pendapatan di mana cukai itu makin tinggi dengan bertambahnya pendapatan. Jadi, kita tidak akan menghapuskan Cukai Jualan ini tetapi kita akan memastikan bahawa cukai ini akan terus merupakan satu cukai yang akan menambahkan lagi pendapatan Kerajaan tetapi kalau ianya mendatangkan kesukaran kepada mereka yang terlibat di dalam industri tekstil, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, di mana mengikut beliau, Cukai Jualan ini telah menaikkan harga tekstil dari industri tempatan dibandingkan dengan tekstil ataupun garment, dengan izin, yang diimport dari negeri jiran, kita boleh mengambil lain-lain tindakan, sama ada menaikkan lagi cukai tekstil ataupun cara-cara lain tetapi tidak boleh menghapuskan atau mengurangkan Cukai Jualan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menyebut tentang kenaikan gaji \$15 hingga \$35. Perkara ini telah pun diputuskan tetapi dalam pada itu seperti yang diketahui Kementerian Kewangan telah mengadakan satu perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan dan kemungkinan besar bahawa satu perjumpaan lagi diadakan dengan pihak CEUPACS dan juga pihak NJC....

Timbalan Yang di-Pertua: Banyak lagikah Yang Berhormat? Saya terpaksa kemukakan masalah sekarang.

Dato Sabbaruddin Chik: Maka dengan itu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan terhadap usul ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$399,981.810 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$173,006,980 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud

dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$226,974,830 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah pukul 6.30 petang, saya memohon Ahli Kerajaan mencadangkan Mesyuarat ditangguhkan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat ini 16(3) Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

TAPAK TETAP PENEMPATAN SEMULA MANGSA-MANGSA KEBAKARAN/BENCANA ALAM

6.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat Menteri sendiri sedar terdapat banyak bencana alam berlaku di dalam Kuala Lumpur terutamanya kejadian kebakaran yang melibatkan penempatan semula setinggan. Kerajaan hendaklah berdasarkan atas asas-asas kemanusiaan, merangka satu pendekatan yang lebih sistematik untuk penempatan semula mangsa-mangsa yang terlibat sama ada ianya bencana kebakaran, banjir atau lain-lain bencana alam.

Pada masa ini setiap kali berlaku kebakaran baik di mana-mana tempat di Kuala Lumpur yang melibatkan kawasan setinggan, mangsa-mangsa tersebut diberitahu supaya mencari tempat tinggal sendiri, tidak seperti di masa lalu. Dewan Bandaraya sekarang tidak berupaya menyediakan mangsa-mangsa berkenaan dengan tempat tinggal baru kerana komitmen untuk menempatkan semula semua setinggan yang terlibat dalam projek pembangunan Kerajaan.

Sebaik-baiknya mangsa-mangsa berkenaan hanya ditempatkan di sekolah-sekolah, atau dewan orang ramai tetapi jika tempat-tempat tiada yang kosong, tidak ada apa yang boleh dilakukan untuk menyediakan mereka dengan tempat tinggal jenis sementara.

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Korum tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat atau minta jalan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tidak, korum tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak cukup bilang. Sila kira Setiausaha—Sepuluh Ahli yang hadir, tidak cukup bilang. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 13 Ahli hadir*).

Timbalan Yang di-Pertua: Hanya tigabelas orang Ahli yang hadir, masih tidak cukup bilang. Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.